

LAPORAN AKHIR

MEMPERKASAKAN AMALAN
PENGURANGAN RISIKO BENCANA
(DRR) UNTUK MENINGKATKAN
KESELAMATAN DALAM KOMUNITI
DENGAN MEMAHAMI RISIKO
BENCANA (SeDAR)



Maklumat tentang Penerbitan ini:

Penerbitan ini merupakan dokumentasi dan pelaporan tentang aktiviti-aktiviti dan hasil dari program JPP SeDAR untuk membolehkan perlaksanaan program CBDRR di negeri-negeri di seluruh Malaysia. Dokumen ini bertujuan sebagai rujukan kepada perancang dan pelaksana DRR.

Penerbitan dihasilkan oleh Prof. Takako Izumi (IRIDeS, Universiti Tohoku) dan Eriko Motoyama (JPP SeDAR Malaysia).

April 2024

Usaha ini dilaksanakan di bawah lesen Creative Commons Attribution-Non Commercial-Share Alike 4.0 International License
www.jppseder.net.my



**LAPORAN AKHIR
PROGRAM PERKONGSIAN JICA (JPP)
'MEMPERKASAKAN KAPASITI RISIKO BENCANA UNTUK
MENAMBAH BAIK KESELAMATAN KOMUNITI DENGAN
MEMAHAMI RISIKO BENCANA' (SeDAR)**

APRIL 2024

Halaman ini sengaja dibiarkan kosong

Penghargaan

Inisiatif Program Perkongsian JICA (JPP) SeDAR tidak akan dapat dilaksanakan tanpa sokongan dan kerjasama pelbagai agensi, organisasi, dan orang perseorangan. Kami ingin mengambil kesempatan ini untuk merakamkan penghargaan kepada semua yang telah bekerjasama dengan pasukan SeDAR selama program ini dijalankan sehingga telah membawa hasil untuk CBDRR di Negeri Selangor.

Kepada Rakan Projek SeDAR—Unit Pengurusan Bencana Negeri Selangor (UPBN), Universiti Teknologi Malaysia (UTM) Kuala Lumpur, dan Angkatan Pertahanan Awam Malaysia (APM)—saya ingin menzahirkan sejambak ucapan terima kasih atas kerjasama dan kolaborasi yang diberikan sepanjang perlaksanaan inisiatif ini. Ucapan terima kasih diberikan kepada Dr. Khamarrul Azahari Razak dari Pusat Pencegahan dan Kesiapsiagaan Bencana (DPPC), Malaysia-Japan International Institute of Technology (MJIIT), dan Prof. Madya Dr. Shohei Matsuura di atas segala sumbangan tidak terhingga yang diberikan untuk program ini.

Saya juga ingin menyatakan penghargaan kepada Penyelaras Kanan Projek, Eriko Motoyama dan pasukan SeDAR Malaysia - Sa'adah Salleh, Sabrina Basri, Mohd Aliff Ikhwan, dan Luqman Md Supar di atas ketekunan dan dedikasi mereka untuk memastikan kejayaan perlaksanaan projek ini. Turut tidak ketinggalan, setinggi-tinggi penghargaan juga diberikan kepada pasukan IRIDeS, Ms. Sayaka Kobayashi dan Ms. Sachiko Kumagai, atas usaha gigih mereka dalam menyediakan asas untuk pengoperasian projek ini.

Pasukan SeDAR juga ingin merakamkan ucapan ribuan terima kasih Japan International Cooperation Agency (JICA), kerana menyediakan pembiayaan kewangan yang membolehkan kami menjayakan projek ini, khususnya JICA Tohoku atas sokongan berterusan, nasihat dan panduan yang diberikan.

Sekalung penghargaan diberikan kepada:

- Pejabat Menteri Besar, Kerajaan Negeri Selangor
- Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor
- Agensi Pengurusan Bencana Negara(NADMA)
- Angkatan Pertahanan Awam Malaysia (APM) Negeri Selangor
- Akademi Latihan Pertahanan Awam (ALPHA)
- Jabatan Mineral dan Geosains (JMG) Wilayah Persekutuan/Selangor
- Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) Selangor
- Cawangan Kejuruteraan Cerun, Jabatan Kerja Raya (CKC, JKR)
- Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS)
- Jabatan Pendidikan Negeri (JPN) Selangor
- Jabatan Kebajikan Malaysia (JKM) Selangor
- Polis DiRaja Malaysia (PDRM) Selangor
- Jabatan Bomba dan Penyelamat (BOMBA) Selangor
- Pejabat Daerah dan Tanah (PDT) Klang
- Pejabat Daerah dan Tanah (PDT) Hulu Langat
- Pejabat Daerah dan Tanah (PDT) Gombak
- Majlis Perbandaran Klang (MPK)
- Majlis Perbandaran Kajang (MPKj)
- Majlis Perbandaran Ampang Jaya (MPAJ)
- Ketua-ketua Kampung dan Jawatankuasa, Mukim Kapar
- Ketua-ketua Kampung dan Jawatankuasa, Mukim Hulu Langat
- Pemimpin-pemimpin dan Ahli-ahli Komuniti, Ulu Klang

Takako Izumi

Profesor, International Research Institute of Disaster Science (IRIDeS), Tohoku University

'Principal Investigator' (PI) dan Pengurus Projek, JPP SeDAR

Halaman ini sengaja dibiarkan kosong

Isi Kandungan

| | |
|---|-----------|
| 1 Pengenalan | 1 |
| 1.1 Tentang Program SeDAR | 1 |
| 1.2 Kumpulan Sasaran dalam Program | 1 |
| 1.3 Butiran Program | 1 |
| 1.4 Konsep Utama Program SeDAR..... | 2 |
| 1.5 Rakan-Rakan Program | 4 |
| 1.6 Tempoh Program | 4 |
| 2 Ringkasan Aktiviti Program | 5 |
| 3 Aktiviti Program | 8 |
| 4 Aktiviti CBDRR di Empat Kawasan Projek..... | 46 |
| 4.1 Ulu Klang, Daerah Gombak | 46 |
| 4.2 Kg. Batu 14 & Mukim Hulu Langat, Daerah Hulu Langat | 50 |
| 4.3 Kg. Tok Muda & Mukim Kapar, Daerah Klang | 54 |
| 4.4 Kg. Sungai Serai & Mukim Hulu Langat, Daerah Hulu Langat..... | 59 |
| 5 Laporan, Penerbitan dan Video | 64 |
| 5.1 Laporan Risiko DRR | 64 |
| 5.2 Buku Panduan TOT | 64 |
| 5.3 Risalah..... | 65 |
| 5.4 Video | 67 |
| 5.5 Ringkasan Polisi | 68 |
| 6 Cabaran | 70 |
| 7 Impak Projek | 72 |
| 7.1 Wujudkan Satu Mekanisme bagi Membolehkan Kerajaan Tempatan dan Komuniti Merancang dan Melaksana CBDRR | 72 |
| 7.2 Perubahan Minda/ Jadikan DRR Sebagai Satu Cara Hidup | 73 |
| 7.3 Rangkaian Kerjasama Diwujudkan di Peringkat Kerajaan dan Komuniti | 74 |

Halaman ini sengaja dibiarkan kosong

1 Pengenalan

Program ini telah dimulakan dan diketuai oleh Institut Penyelidikan Antarabangsa Sains Bencana (IRIDeS), Universiti Tohoku. Program ini telah bermula pada Jun 2018 dan berakhir pada April 2024.

1.1 Tentang Program SeDAR

Program SeDAR bertujuan untuk membekalkan kerajaan tempatan serta pemimpin masyarakat dengan ilmu dan kemahiran untuk menjalankan program pengurangan risiko bencana (DRR) di peringkat akar umbi, pendekatan dari bawah ke atas. Program ini menggunakan pendekatan yang unik kepada komuniti, dengan:

- menerapkan pemahaman berdasarkan sains terhadap risiko bencana dalam kalangan pemimpin masyarakat, komuniti dan pihak berkuasa tempatan
- menganjurkan kerjasama yang erat diantara mereka untuk menghasilkan aktiviti dan program DRR yang bersesuaian dengan keunikan masyarakat setempat.


Program pengurangan risiko bencana yang berorientasikan masyarakat seperti ini adalah langkah awal yang penting ke arah membangunkan komuniti yang berdaya tahan menghadapi bencana.

1.2 Kumpulan Sasaran dalam Program

- Pemimpin masyarakat setempat
- Pihak berkuasa tempatan dan pegawai daerah
- Ahli-ahli komuniti

1.3 Butiran Program

Projek SeDAR adalah program 4 tahun yang disasarkan kepada empat komuniti di negeri Selangor.



Komuniti yang dipilih sebagai kajian kes dalam laporan ini adalah:

- Ulu Klang, Gombak
- Batu 14, Hulu Langat
- Kampung Sg. Serai, Hulu Langat

LAPORAN AKHIR PROGRAM PERKONGSIAN SeDAR JICA

- Kampung Tok Muda, Kapar


Kesemua kawasan ini pernah mengalami kejadian banjir besar atau tanah runtuh pada satu ketika dahulu. Walau bagaimanapun, pengalaman mereka lalui tidaklah hanya unik untuk lokasi-lokasi ini—Setiap lokasi yang dipilih mempunyai ciri atau keadaan yang serupa dengan lokasi-lokasi lain yang terdapat di seluruh negara. Oleh itu, pengajaran yang boleh dipelajari daripada menjalankan program di kawasan ini boleh diaplikasikan ke lokasi lain di seluruh Malaysia.

1.4 Konsep Utama Program SeDAR

- Memahami risiko bencana oleh pemegang taruh kerajaan tempatan dan masyarakat
- Program DRR dikelola dan dipimpin oleh masyarakat setempat
- Program akan diteruskan sendiri oleh masyarakat setempat

1.4.1 Aliran Program SeDAR

Fasa-fasa Program SeDAR



1.4.2 Metodologi Pelaksanaan CBDRR di bawah Program SeDAR

Berdasarkan pengalaman program SeDAR selama 4 tahun, langkah-langkah berikut telah dikenal pasti dan disyorkan untuk program CBDRR.

Proses CBDRR SeDAR

1. Memastikan kecukupan peruntukan bagi memulakan program CBDRR dan merangka aktiviti untuk jangka masa 2–3 tahun.
2. Melantik pasukan atau pejabat yang ditetapkan untuk penyelaras, pelaksanaan dan pengurusan proses dan program CBDRR.
3. Memastikan penglibatan pemimpin komuniti dan kerajaan tempatan serta agensi yang berkenaan yang terlibat dengan sains dan tindak balas kecemasan (contoh: Pertahanan Awam, Polis atau Bomba) dan wujudkan keterhubungan diantara pemain utama. Tingkatkan pengetahuan mereka di dalam DRR dan pengurusan risiko.
4. Melatih para pemimpin di peringkat tempatan yang boleh mendidik berkaitan DRR kepada masyarakat setempat.
5. Melaksanakan penilaian/kenal pasti risiko berdasarkan sains serta menggerakkan pemimpin komuniti supaya menyebarkan risiko ini kepada masyarakat setempat.
6. Melaksanakan aktiviti Jenguk Kampung (membiasakan diri dengan risiko di sekeliling masyarakat), menghasilkan peta komuniti untuk mengenal pasti tempat bahaya, zon selamat dan kawasan lain yang penting, disamping mengenal pasti jalan penyelesaian untuk mengatasi risiko.

LAPORAN AKHIR
PROGRAM PERKONGSIAN SeDAR JICA

7. Memastikan komuniti memahami tentang sistem amaran awal dan berkongsi–cara ia berfungsi kepada orang ramai.
8. Menghasilkan peta yang menunjukkan lokasi pusat pemindahan dan tindakan yang perlu diambil apabila siren diaktifkan serta melaksanakan latih amal pengungsian (diadakan secara berkala tahunan atau setiap enam bulan)
9. Merancang dan melaksanakan aktiviti DRR bersama-sama dengan kerajaan tempatan dan komuniti dengan sokongan pakar-pakar serta memastikan kemampuan aktiviti yang diterajui oleh komuniti tempatan.
10. Perkongsian pengalaman dan ilmu dengan daerah/negeri lain.
11. Melibatkan jurulatih di peringkat kerajaan dan komuniti yang telah dilatih sepanjang projek ini dilaksanakan serta menjadikan mereka aset utama untuk aktiviti DRR.

Faktor Kejayaan Utama

1. Salah satu faktor kejayaan utama di bawah program SeDAR ialah keutamaan dan usaha yang dilakukan untuk membina dan mengekalkan perkongsian yang kukuh dengan pihak pemegang taruh untuk memastikan penglibatan dan kerjasama mereka sepanjang tempoh projek. Tanpa pasukan dan agensi kerajaan yang berdedikasi seperti Unit Pengurusan Bencana Selangor, ianya suatu cabaran untuk menguruskan dan mengekalkan program tersebut dengan baik.
2. Kepimpinan dan penyelarasan di peringkat kerajaan dan tempatan juga menjadi kunci kepada keberhasilan program ini. Ia amat penting terutamanya untuk mendapatkan penglibatan komuniti dan membolehkan ahli komuniti mengambil tanggungjawab pemilikan program tersebut kerana mereka memainkan peranan penting dalam mengekalkan pengetahuan dan mengurus aktiviti DRR untuk jangka panjang.
3. Akhir sekali, bimbingan dan input daripada pakar DRR dari semasa ke semasa adalah sangat bermanfaat untuk meningkatkan kualiti aktiviti.



1.5 Rakan-Rakan Program

SeDAR merupakan kerjasama di antara Institut Penyelidikan Antarabangsa Sains Bencana (IRIDeS), Universiti Tohoku; Unit Pengurusan Bencana Selangor (UPBN), Kerajaan Negeri Selangor; Pusat Pencegahan dan Kesiapsiagaan Bencana (DPPC), Institut Teknologi Antarabangsa Malaysia-Jepun (MJIIT), Universiti Teknologi Malaysia (UTM) Kuala Lumpur.

Pada 2019, Angkatan Pertahanan Awam Malaysia (APM) menyatakan hasrat untuk menjadi rakan program. Mengambil kira sumbangan dan usaha mereka yang tidak berbelah bahagi dalam melaksanakan program SeDAR, mereka juga telah dilantik sebagai ‘Rakan Program’ untuk program ini.

- **IRIDeS** – Institusi yang menyelia dan memandu pelaksanaan projek SeDAR serta membekalkan ilmu dan bimbingan berdasarkan pengalaman yang luas dalam pengurusan bencana di Jepun
- **UPBN** – Badan pelaksana tempatan yang berfungsi mewujudkan kerjasama kukuh di antara masyarakat, agensi kerajaan dan institusi pengajian tinggi tempatan dalam menjayakan program
- **DPPC** – Institusi pakar teknikal tempatan yang merangka objektif SeDAR mengikut keperluan masyarakat berpandukan sumbangan kemahiran oleh pakar tempatan
- **APM** – menyediakan pengalaman praktikal dalam pelaksanaan—program serta menyediakan tenaga kerja di pelbagai daerah melalui rangkaian organisasi mereka

1.6 Tempoh Program

Program SeDAR ini dirancang untuk tempoh 4 tahun berterusan, dari tahun 2018 hingga 2022. Walau bagaimana pun, akibat gangguan pandemik COVID melanda global pada tahun 2020, aktiviti komuniti tidak dapat dijalankan disebabkan kebimbangan penyebaran virus di kalangan penduduk komuniti.

Namun begitu, pada ketika itu, Buku Panduan Latihan Pelatih (TOT) tentang CBDRR telah dibangunkan dan ujian kebolehgunaan manualnya turut dijalankan. Aktiviti berkumpulan dibenarkan semula pada Mac 2022 dan program ini dipanjangkan sehingga April 2024.

2 Ringkasan Aktiviti Program

Ringkasan bagi aktiviti program di bawah adalah pelaporan tentang semua aktiviti utama yang dijalankan dalam tempoh masa program ini.

A. MAJLIS PELANCARAN

| Bil. | Tarikh | Acara | Tempat | Kehadiran |
|------|-------------|-----------------------------|---------------------------|-----------|
| 1. | 29 Jun 2018 | Majlis Pelancaran & Bengkel | Concorde Hotel, Shah Alam | 64 |

B. PENYERAHAN LAPORAN RISIKO BENCANA

| Bl. | Tarikh | Acara | Tempat | Kehadiran |
|-----|--------------|---|-----------------------------|-----------|
| 1. | 23 Ogos 2019 | Majlis Penyerahan kepada Kerajaan Negeri Selangor dan Seminar Perkongsian Ilmu oleh Pakar-pakar Banjir dan Tanah Runtuh | Shah Alam Convention Centre | 70 |

C. SESI KOMUNIKASI RISIKO

| Bil. | Tarikh | Mukim | Acara | Tempat | Kehadiran |
|------|-------------|-------------|--|------------------------------------|-----------|
| 1. | 7 Okt 2019 | Ulu Klang | Komunikasi Risiko dengan Kerajaan Tempatan & Pemimpin Komuniti | Kompleks Penghulu Hulu Kelang | 39 |
| 2. | 21 Okt 2019 | Hulu Langat | Komunikasi Risiko dengan Kerajaan Tempatan & Pemimpin Komuniti | Pejabat Daerah & Tanah Hulu Langat | 27 |
| 3. | 14 Nov 2019 | Kapar | Komunikasi Risiko dengan Kerajaan Tempatan & Pemimpin Komuniti | Pejabat Daerah & Tanah Klang | 30 |

D. LATIHAN JURULATIH (TOT)

D1. MELATIH JURULATIH UTAMA (KERAJAAN)

| Bil | Tarikh | Mukim | Acara | Tempat | Jumlah Kehadiran | Pelatih Bertauliah |
|---|------------------|------------------------|---|------------------------------|------------------|--------------------|
| 1. | 21-22 April 2022 | Ulu Klang, Hulu Langat | TOT kepada Master Trainers (tanah runtuh) | Dewan Jubli Perak, Shah Alam | 34 | 19 |
| 2. | 18-19 Mei 2022 | Kapar, Hulu Langat | TOT kepada Master Trainers (banjir) | Dewan Jubli Perak, Shah Alam | 29 | 12 |
| JUMLAH JURULATIH KERAJAAN BERTAULIAH | | | | | | 31 |

LAPORAN AKHIR
PROGRAM PERKONGSIAN SeDAR JICA

D2. MELATIH PEMIMPIN KOMUNITI

| Bil | Tarikh | Mukim | Acara | Tempat | Jumlah Kehadiran | Pelatih bertaullah |
|---|-------------------------------------|-------------|-----------------------|---|------------------|--------------------|
| 1. | 10 Ogos 2022 | Ulu Klang | TOT Pemimpin Komuniti | Dewan Latihan MPAJ, Majlis Perbandaran Ampang Jaya | 35 | 13 |
| 2. | (a) 25 Ogos 2022 (b) 29 Nov 2022 | Kapar | TOT Pemimpin Komuniti | Dewan MPKK, Pejabat Daerah & Tanah Klang Bukit Kapar, Kapar | 53 | 23 |
| 3. | 1 Okt 2022 | Hulu Langat | TOT Pemimpin Komuniti | Pejabat Daerah & Tanah Hulu Langat | 64 | 45 |
| JUMLAH JURULATIH KOMUNITI BERTAULIAH | | | | | | 81 |

E. BENGKEL KOMUNITI

| Bil. | Tarikh | Mukim | Acara | Tempat | Kehadiran (Komuniti) |
|------|------------------------------------|-----------|------------------|---|----------------------|
| 1. | (a) 16 Okt 2022 (b) 18 Dis 2022 | Ulu Klang | Bengkel Komuniti | Dewan Serbaguna MPAJ, Ukay Perdana Dewan Komuniti, Pangsapuri Sri Hijauan, Ukay Perdana | 104 (73) |
| 2. | 10 Dis 2022 | Kapar | Bengkel Komuniti | Dewan Komuniti Kg. Tok Muda, Kapar | 47 (35) |

F. JENGUK KAMPUNG & PEMETAAN KOMUNITI

| BIL. | Tarikh | Mukim | Acara | Tempat | Kehadiran (Komuniti) |
|------|-------------|-----------------------------|------------------------------------|---|----------------------|
| 1. | 19 Feb 2023 | Ulu Klang | Jenguk Kampung & Pemetaan Komuniti | Dewan Serbaguna MPAJ, Ukay Perdana | 90 (71) |
| 2. | 26 Feb 2023 | Hulu Langat (Batu 14) | Jenguk Kampung & Pemetaan Komuniti | Dewan Dato' Nazir, Hulu Langat | 53 (30) |
| 3. | 5 Mac 2023 | Kapar | Jenguk Kampung & Pemetaan Komuniti | Dewan Komuniti Kg. Kerayong, Kapar | 43 (31) |
| 4. | 12 Mac 2023 | Hulu Langat (Kg. Sg. Serai) | Jenguk Kampung & Pemetaan Komuniti | Dewan Komuniti Sri Nanding, Hulu Langat | 57 (35) |

G. BENGKEL PERANCANGAN DRR BERSAMA PAKAR

| Bil | Tarikh | Mukim | Acara | Tempat | Kehadiran |
|-----|-------------|-------|--|------------------------------|-----------|
| 1. | 21 Mac 2023 | Kapar | Bengkel Aktiviti Merancang bersama Pakar | Pejabat Daerah & Tanah Klang | 23 |

LAPORAN AKHIR
PROGRAM PERKONGSIAN SeDAR JICA

| Bil | Tarikh | Mukim | Acara | Tempat | Kehadiran |
|-----|-------------|-----------------------------|--|---|-----------|
| 2. | 22 Mac 2023 | Batu 14 & Hulu Langat | Bengkel Aktiviti Merancang bersama Pakar | Dewan Demense, Pejabat Daerah & Tanah Hulu Langat | 33 |
| 3. | 22 Mac 2023 | Kg. Sg. Serai & Hulu Langat | Bengkel Aktiviti Merancang bersama Pakar | Dewan Demense, Pejabat Daerah & Tanah Hulu Langat | 28 |
| 4. | 23 Mac 2023 | Ulu Klang | Bengkel Aktiviti Merancang bersama Pakar | Disaster Preparedness & Prevention Centre, UTM KL | 29 |

H. SIMPOSIUM

| Bil | Tarikh | Mukim | Acara | Tempat | Kehadiran |
|-----|----------------|-------|-----------|-------------------------|----------------------------|
| 1. | 19-20 Okt 2023 | Tiada | Simposium | Geno Hotel, Subang Jaya | Hari 1: 134 Hari 2: 102 |

I. AKTIVITI CBDRR DI EMPAT KAWASAN PROJEK

| BIL. | Tarikh | Mukim | Acara | Tempat | Kehadiran |
|--|----------------|-----------------------------|---|---|-------------------------------|
| HULU KLANG, DAERAH GOMBAK | | | | | |
| 1. | 25 Jun 2023 | Ulu Klang | Latihan Tindak balas Kecemasan Angkatan Pertahanan Awam (CDERT) | Dewan Komuniti MPAJ Taman Bukit Mulia, Bukit Antarabangsa | 41 |
| 2. | 4 Feb 2024 | Ulu Klang | Pembukaan Rasmi Pusat Sumber DRR | Dewan Komuniti MPAJ Taman Bukit Mulia, Bukit Antarabangsa | 66 |
| KG. BATU 14, DAERAH HULU LANGAT | | | | | |
| 3. | 9 Jul 2023 | Batu 14 & Hulu Langat | Bengkel & Pemantauan Cerun bersama JKR dan JMG | Dewan Dato' Nazir, Hulu Langat | 57 |
| 4. | 23 Sep 2023 | Batu 14 & Hulu Langat | DRR untuk murid-murid sekolah | SMK Abdul Jalil | 424 |
| KAPAR, DAERAH KLANG | | | | | |
| 5. | 16 Sep 2023 | Kapar | Latih Amal Pemindahan Komuniti | Masjid At-Taqwa, Kapar | 55 |
| 6. | 17 Dis 2023 | Kapar | Penyerahan Poster Lokasi PPS | Dewan Komuniti Kg. Tok Muda, Kapar | 87 |
| KG. SG. SERAI, DAERAH HULU LANGAT | | | | | |
| 7. | 2 Sep 2023 | Kg. Sg. Serai & Hulu Langat | PLOGGING | Sekolah KAFAI Kg. Sg. Serai | 117 |
| 8. | 18-19 Nov 2023 | Kg. Sg. Serai & Hulu Langat | Taklimat & Latih Amal Pemindahan Komuniti | Dewan Komuniti Taman Sri Nanding, Hulu Langat | (a) 18hb: 73 (b) 19hb: 125 |

3 Aktiviti Program

A. MAJLIS PELANCARAN PROJEK & BENGKEL

Majlis Pelancaran Projek & Bengkel (29 Jun 2018)

Keterangan:

Pelaksanaan acara Permulaan Projek dan Bengkel diadakan bagi melancarkan program SeDAR di samping perkongsian pengalaman tindak balas bencana dan DRR di Jepun dan di Malaysia. Para hadirin terdiri daripada pegawai dari agensi kerajaan tempatan, daerah dan negeri serta wakil pertubuhan bukan kerajaan (NGO) dan organisasi masyarakat.

Kehadiran: 64

Penyertaan dari Jepun:

- Prof. Fumihiro Imamura, Pengarah IRIDeS, Universiti Tohoku
- Prof. Takako Izumi, IRIDeS, Universiti Tohoku
- Assoc. Prof. Shuichi Kure, Universiti Toyama Prefectural
- Mr. Tomoki Suzuki, Kerajaan Sendai City
- Ms. Rika Kanazawa, Kerajaan Sendai City

Tetamu Khas (Malaysia):

Datuk Zamani Ahmad Mansor, Timbalan Ketua Setiausaha Kerajaan Negeri, Negeri Selangor

Sorotan Acara:

Penyampaian Ucaptama

'Perkongsian Pengalaman / Pengajaran dari Kejadian Gempa bumi dan Tsunami Tohoku pada 2011 sebagai Usaha Pengurangan Bencana di Masa Depan' oleh Prof. Imamura, IRIDeS, Universiti Tohoku. Ia merangkumi (1) data saintifik dan informasi serta peristiwa semasa gempa bumi tersebut dan (2) aktiviti-aktiviti CBDRM di IRIDeS

Sesi 1, Sains dan Teknologi Untuk DRRM

- a) Pengalaman di Jepun: '**Membangunkan Peta Bahaya Banjir untuk Perancangan DRRM**' oleh Prof. Shuichi Kure, Universiti Toyama Prefectural. Pembentangan tentang : (1) pengurusan banjir di Jepun, (2) beberapa maklumat tentang sungai di Jepun dan (3) pentingnya mengenal pasti zon-zon risiko tinggi untuk melaksanakan CBDRR
- b) Pengalaman Bandaraya Sendai, '**Jepun: Langkah-langkah Pengurangan Risiko Bencana oleh Bandaraya Sendai**' oleh Mr. Suzuki, Bandaraya Sendai. Pembentangan mengenai (1) kemusnahan akibat gempa bumi besar di Timur Jepun pada 2011 dan langkah-langkah yang diambil, terutama sekali dalam menghadapi tsunami dan (2) kemusnahan akibat hujan lebat di Kanto Tohoku pada 2015 dan langkah-langkah yang diambil, terutama sekali tentang penghasilan peta bahaya.
- c) Pengalaman Malaysia: '**Penilaian Tanah Runtuh di Malaysia, Kemajuan dan Cabaran**' oleh Dr. Khamarrul Azahari Razak. Pembentangan tentang (1) isu-isu semasa dan cabaran-cabarannya (2) inisiatif cerun nasional, penilaian risiko bahaya tanah runtuh dan mengarusperdanakan DRR dalam perancangan pembangunan di Malaysia dan (3) Program Komuniti Tanah Runtuh

LAPORAN AKHIR
PROGRAM PERKONGSIAN SeDAR JICA

Sesi 2: Pengalaman Kerajaan Tempatan

- a) ‘**Taklimat tentang Pusat Komunikasi Smart Selangor**’ oleh Ahmad Fairuz bin Mohd Yusof, Unit Pengurusan Bencana Negeri Selangor, tentang: (1) pengumpulan dan pemaparan data di pusat kawalan, (2) peranan dan tanggungjawab dalam tindak balas bencana, dan (3) aset-aset Pusat Komunikasi Smart Selangor
- b) ‘**BOSAI of Sendai**’ oleh Kanagawa dari Bandaraya Sendai tentang (1) gambaran keseluruhan gempa bumi besar di Timur Jepun (2) Pemulihan utiliti utama dan jumlah pemindahan (3) operasi pusat-pusat pemindahan (4) langkah-langkah sokongan bagi golongan rentan dan (5) kesedaran & pendidikan tentang pencegahan dan pengurangan bencana.
- c) ‘**Memahami Pengurangan Risiko Bencana berdasarkan Risiko Bencana dan Komuniti menggunakan APM CDERT untuk komuniti**’ oleh Dr. Hj. Norhafifi bin Hj. Ismail dari Angkatan Pertahanan Awam Malaysia (APM) tentang: (1) mekanisma tindak balas bencana dan (2) apa itu CDERT untuk Komuniti,
- d) ‘**Membentuk Bandaraya Berdaya Tahan Menghadapi Bencana di Malaysia** oleh Dr. Dzul Khaimi bin Khailani, PlanMalaysia tentang garis panduan perancangan bagi bandaraya yang berdaya tahan menghadapi bencana.

Sidang Akhbar

Lima belas orang anggota media cetak dan siaran dari NHK KL, New Straits Times, Shin Chew Jit Poh, Radio Television Malaysia, Selangor Kini, dan TV Selangor telah bertanyakan pelbagai soalan kepada YB Hee dan Dr. Imamura



B. MAJLIS PENYERAHAN LAPORAN RISIKO BENCANA

Majlis Penyerahan kepada Kerajaan Negeri Selangor dan Seminar Perkongsian Ilmu oleh Pakar-pakar Banjir dan Tanah Runtuh (23 Ogos 2019)

Penjelasan:

Satu acara penyerahan rasmi dan sidang akhbar telah diadakan bersama YAB Menteri Besar Selangor di Mesyuarat Majlis Tindakan Ekonomi Selangor (MTES).

Kehadiran: 70

| | |
|--|--|
| Ahli Majlis Eksekutif Kerajaan Negeri Selangor | JKR Selangor |
| Agensi Pengurusan Bencana Negara (NaDMA) | Pejabat Daerah & Tanah (PDT) Hulu Langat |
| Angkatan Pertahanan Awam Malaysia (APM) | Pejabat Daerah & Tanah (PDT) Klang |
| Jabatan Pengairan dan Saliran Malaysia (JPS) | Pejabat Daerah & Tanah (PDT) Gombak |
| Jabatan Ukur dan Pemetaan Malaysia (JUPEM) | Majlis Perbandaran Klang (MPK) |
| Jabatan Mineral dan Geosains (JMG) Selangor | Majlis Perbandaran Kajang (MPKj) |
| Jabatan Statistik Malaysia (DOSM) | Majlis Perbandaran Ampang Jaya (MPAJ) |
| Institut Penyelidikan Air Kebangsaan Malaysia (NAHRIM) | Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) |
| Jabatan Perancang Bandar & Desa (PlanMalaysia) | Universiti Teknologi MARA (UiTM) |
| Lembaga Urus Air Selangor (LUAS) | Majlis Pembangunan Komuniti Kampung (MPKK) |
| Agensi Remote Sensing Malaysia (ARSM) | MERCY Malaysia |
| Pusat Hidrografi Nasional Malaysia (PHN) | Kapar Energy Ventures (KEV) |
| Cawangan Kejuruteraan Cerun, Jabatan Kerja Raya (CKC, JKR) | Kementerian Hal Ehwal Ekonomi |
| | Unit Perancangan Ekonomi Negeri Selangor |
| | Kedutaan Jepun |
| | JICA Malaysia |
| | Unit Pengurusan Bencana Negeri Selangor (UPBN) |
| | IRIDeS |
| | UTM Kuala Lumpur |

Sorotan Acara:

Majlis Penyerahan Rasmi

Pengurus Projek, Prof. Izumi (IRIDeS) telah menyerahkan Laporan Risiko Bencana kepada Yang Berhormat Hee Loy Sian, Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Selangor

Memperkenalkan Laporan Risiko Bencana kepada Menteri Besar di Mesyuarat Exco Negeri

- Pembentangan Laporan oleh Pengurus Projek, UTM KL, dan UPBN kepada Menteri Besar Selangor di Mesyuarat Exco
- Sidang Akhbar, di mana YAB Menteri Besar mengumumkan peruntukan belanjawan untuk pengumpulan data dalam DRR

LAPORAN AKHIR
PROGRAM PERKONGSIAN SeDAR JICA

Seminar Perkongsian Ilmu

- a) Pembentangan 1, ‘**Analisa Risiko Tanah Runtuh Di Tapak Ulu Klang dan Hulu Langat Berasaskan Sains**’ oleh Dr. Khamarrul Azahari Razak, UTM Kuala Lumpur. Beliau memberi penjelasan bagaimana peta bahaya dan risiko telah digunakan untuk memaparkan risiko kepada orang awam.
- b) Pembentangan 2, ‘**Simulasi Berangka Tanah Runtuh Batu 14**’ oleh Dr. Shuji Moriguchi, Universiti Tohoku. Beliau menunjukkan simulasi 3D bagi Tanah Runtuh Hulu Langat pada 2011.
- c) Pembentangan 3, ‘**Analisa Risiko Berasaskan Sains ke atas Banjir Kampung Sungai Serai, Hulu Langat**’ oleh Dr. Shuichi Kure, Universiti Toyama Prefectural. Analisa yang beliau laksanakan meliputi risiko banjir di Kg. Sungai Serai
- d) Pembentangan 4, ‘**Analisa Risiko Berasaskan Sains ke atas Kampung Tok Muda, Kapar**’ oleh Dr. Mohamad Hidayat Jamal, UTM Skudai. Beliau menjelaskan bagaimana satu peta rupa bumi digital disediakan untuk menganalisa tahap di Kg. Tok Muda



C. SESI KOMUNIKASI RISIKO

1. Komunikasi Risiko kepada Kerajaan Tempatan & Pemimpin Komuniti – Ulu Klang, Daerah Gombak (7 Oktober 2019)

Penjelasan:

Sesi selama satu hari telah diadakan untuk menjelaskan risiko tanah runtuh kepada komuniti di sekitar Ulu Klang.

Kehadiran: 39

Ahli Dewan Undangan Negeri Selangor Ahli Parlimen
Pejabat Daerah & Tanah (PDT) Gombak
Majlis Perbandaran Ampang Jaya (MPAJ)

Ahli Majlis, Zon 4 dan 5, MPAJ
Penghulu, Mukim Hulu Kelang
Ketua-ketua Kampung
Wakil-wakil Masjid dan Kuil

Sorotan Acara:

‘Ringkasan Tentang Bencana Tanah Runtuh di Ulu Klang’ oleh Mohammad Izzat Haziq, UPBN

‘Berkomunikasi Tentang Risiko di Ulu Klang’ oleh Dr. Khamarrul Azahari, UTM KL

Soalan: Selain dari cerun, adakah peta risiko turut membantu dalam pemantauan aliran air dan pembersihan tanah?

Jawapan: Peta risiko bukan setakat merangkumi cerun, tetapi juga geologi, geomorfologi dan air tanah.

Soalan: Bagaimanakah cara untuk mengesahkan keputusan kerajaan tempatan tentang pembangunan cerun?

Jawapan: Asas saintifik adalah perlu untuk membuat bantahan tentang pembangunan cerun. Tujuan SeDAR adalah untuk memberi lebih pengetahuan tentang unsur sains risiko.

‘Pengalaman Berasaskan Komuniti dari Jepun’ oleh Dr. Shohei Matsuura

Komen dari hadirin: Sokongan penuh untuk program SeDAR. Pemaju-pemaju dan pemilik-pemilik cerun persendirian seharusnya menghasilkan peta bahaya mereka tersendiri sebelum menyerahkan sebarang cadangan pembangunan.



2. Komunikasi Risiko kepada Kerajaan Tempatan & Pemimpin Komuniti – Batu 14, Kg. Sungai Serai & Mukim Hulu Langat, Daerah Hulu Langat (21 Oktober 2019)

Penjelasan:

Sesi selama satu hari telah diadakan untuk menjelaskan risiko tanah runtuh kepada komuniti di sekitar Kg. Batu 14 dan risiko banjir di Kg. Sungai Serai, Hulu Langat.

Kehadiran: 27

Pejabat Daerah & Tanah IPDT) Hulu Langat
Kerajaan Tempatan Kajang (MPKj)
Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) Hulu
Langat

Jabatan Kerja Raya Hulu (JKR) Langat
Penghulu Hulu Langat
Ketua Kampung, Kg. Sungai Serai
Ketua Kampung, Kg. Batu 14

Sorotan Acara:

‘Berkomunikasi tentang Risiko Banjir di Hulu Langat’ oleh Dr. Faizah Che Ros, UTM KL

Soalan: Adakah pembangunan di sekitar kawasan tersebut menyumbang ke arah pembanjiran dan sama ada kawasan tersebut telah diwartakan sebagai kawasan tadahan hujan.

Jawapan: Kawasan tersebut kebanyakannya adalah kawasan hutan semula jadi yang mempunyai kawasan rekreasi dan tempat mendaki. Punca utama banjir berlaku adalah kerana kedudukan tanah yang dibangunkan adalah terlalu rendah dan terlalu hampir dengan tebing sungai.

Ketua-ketua kampung menyedari tentang kajian yang dijalankan oleh kerajaan dan mereka menyatakan bahawa mereka ingin memberi tumpuan kepada tindakan-tindakan yang akan diambil.

‘Penjelasan Tentang Komunikasi Risiko Tanah Runtuh’ oleh Dr. Khamarrul. Beliau bercakap tentang kesan pengurusan tanah runtuh yang buruk serta amalan pembersihan tanah yang meragukan, dan pembinaan perumahan yang berhampiran cerun.

Ketua Kampung Batu 14 membuat kenyataan tentang kejadian tanah runtuh yang kerap berlaku kebelakangan ini semasa musim hujan. Beliau ingin tahu apakah tindakan yang harus diambil oleh kerajaan untuk menangani kejadian-kejadian seperti ini. Mengapa tindakan diambil hanya selepas terjadi bencana?

‘Pengalaman Berasaskan Komuniti dari Jepun’ oleh Prof. Takako Izumi, yang menjelaskan kepada ketua-ketua kampung bahawa disebalik langkah mitigasi dilaksanakan oleh kerajaan, kerosakan dan kehilangan akibat bencana sukar dielak. Penekanan ke atas pentingnya keterlibatan setiap orang dalam pengurangan risiko bencana.



3. Komunikasi Risiko kepada Kerajaan Tempatan & Pemimpin Komuniti – Kg. Tok Muda & Mukim Kapar, Daerah Klang (14 November 2019)

Matlamat:

Sesi selama satu hari telah diadakan untuk menyampaikan risiko banjir kepada komuniti dalam Mukim Kapar dan sekitarnya.

Kehadiran: 30

| | |
|---|---------------------------------------|
| Ahli Parlimen Kapar | Kapar Energy Ventures (KEV) |
| Ahli Dewan Undangan Negeri Daerah | Penghulu Mukim Kapar |
| Sementa | Ketua-ketua kampung Kapar dan Sementa |
| Pejabat Daerah & Tanah (PDT) Klang | Nazir-nazir Masjid |
| Jabatan Kerja Raya (JKR) Klang | |
| Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) Klang | |

Sorotan Acara:

‘Ringkasan Bencana Banjir di Mukim Sementa, Klang’ oleh Muhammad Izzat, UPBN

‘Penjelasan Tentang Risiko Bencana di Mukim Sementa, Kapar’ oleh Dr. Mohamad Hidayat Jamal, UTM Skudai. Tajuk-tajuk: (1) Hakisan ban pantai: Dr Hidayat menunjukkan satu contoh aktiviti komuniti di Johor Bahru dan Semerang, Indonesia untuk mengurangkan pencemaran sungai dan pemendapan tanah. (2) Dr Hidayat juga memaparkan pentingnya pemeliharaan hutan bakau untuk perlindungan dan aktiviti penanaman semula pokok bakau oleh komuniti.

Soalan: Sekiranya ban sungai yang dibuat daripada tanah terhakis, bolehkah ia dibina semula dengan menggunakan bahan-bahan lain seperti konkrit atau batu?

Jawapan: Ban tanah adalah yang paling senang untuk dihasilkan dan disenggarakan. Ban konkrit atau batu mungkin memakan belanja yang lebih, terutamanya ban-ban yang dibuat di sepanjang pantai.

Soalan: Adakah aspek dari segi alam sekitar dikhuatiri akan terganggu sekiranya ban dinaik taraf dengan menggunakan bahan-bahan lain?

Jawapan: Kos dan kemudahan untuk penyenggaraan adalah perkara utama yang diambil kira.

Izzat dari UPBN menyatakan tentang peta banjir kesan daripada paras air laut yang diramalkan meningkat menjelang tahun 2050. Dr Hidayat memberi penjelasan ringkas tentang peta banjir yang dibuat berdasarkan maklumat dari JPS dan NAHRIM

‘Pengalaman Berasaskan Komuniti dari Jepun’ oleh Eriko Motoyama, SeDAR



D. LATIHAN JURULATIH (TOT)

1. TOT Jurulatih Utama Kerajaan

Sejumlah 31 Jurulatih Utama telah melalui dua sesi latihan pada bulan April dan Mei 2022.

1-1. Latihan April (21-22 April 2022)

Penjelasan:

Sesi latihan separuh hari telah diadakan untuk melatih pegawai-pegawai dari agensi Kerajaan Negeri Selangor untuk menjadi Jurulatih Utama (Master Trainer). Sesi ini memberi penekanan pada kawasan yang terjejas tanah runtuh.

Kehadiran: 34

Jurulatih yang mendapat Sijil TOT: 19

Pelatih:

Pejabat Daerah & Tanah (PDT) Gombak
Pejabat Daerah & Tanah (PDT) Hulu Langat
Majlis Perbandaran Ampang Jaya (MPAJ)
Majlis Perbandaran Kajang (MPKj)
Polis Daerah (PDRM) Hulu Langat
Polis Daerah (PDRM) Hulu Kelang
Jabatan Bomba (BOMBA) Hulu Langat
Jabatan Bomba (BOMBA) Hulu Kelang
Angkatan Pertahanan Awam Malaysia
(APM) Selangor

Jurulatih:

Dr. Khamarrul Azahari
Dr. Faizah Che Ros
Dato' Zakaria Mohamad
Eriko Motoyama
Kol. (PA) Ts. Dr. Mohamad Fazli Sardi

Sorotan Acara:

Latihan diadakan mengikut isi kandungan Buku Panduan TOT:

‘Pengenalan Program SeDAR’ dan ‘Aliran Kerja CBDRR’ oleh Eriko Motoyama

Modul 1, ‘Memahami Konsep DRR’ oleh Eriko Motoyama

Modul 2, ‘Memahami Risiko Tempatan’ oleh Dr. Khamarrul Azahari dan Kol. (PA) Ts. Dr. Mohamad Fazli Sardi

Penjelasan berdasarkan sains dan bukti tentang bahaya dan risiko tanah runtuh dengan menggunakan peta di Ulu Klang oleh Dato' Zakaria Mohamad

Penjelasan berdasarkan sains dan bukti tentang bahaya dan risiko banjir dengan menggunakan pemodelan banjir di Kg. Sungai Serai oleh Dr. Faizah Che Ros

Modul 3, ‘Merancang, Melaksana dan Menilai Program CBDRR’ (satu latihan berkumpulan tentang Analisis Masalah) oleh Hafiz Amirrol



LAPORAN AKHIR PROGRAM PERKONGSIAN SeDAR JICA

1-2. Latihan Mei (18-19 Mei)

Penjelasan:

Sesi latihan separuh hari telah diadakan untuk melatih pegawai-pegawai dari agensi Kerajaan Negeri Selangor untuk menjadi Jurulatih Induk (Master Trainer). Sesi ini memberi penekanan pada kawasan yang terjejas oleh banjir.

Kehadiran: 29 Jurulatih Induk yang terima Sijil TOT: 12

Pelatih:

Pejabat Daerah & Tanah (PDT) Klang
Pejabat Daerah & Tanah (PDT) Hulu Langat
Majlis Perbandaran Klang (MPK)
Jabatan Bomba Selangor (Zon Klang)
Angkatan Pertahanan Awam Malaysia
(APM) Selangor
Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS)
Selangor
Polis Daerah Daerah Klang Utara)
Jabatan Mineral dan Geosains (JMG)
Selangor
Tambahan: Empat sijil dikeluarkan untuk
Unit Pengurusan Bencana Negeri Selangor
(UPBN)

Jurulatih:

Dr. Khamarrul Azahari Razak
Dr. Faizah Che Ros
Dato' Zakaria Mohamad
Eriko Motoyama
Kol. (PA) Ts. Dr. Mohamad Fazli Sardi
Dr. Mohamad Hidayat Jamal
Hafiz Amirrol

Sorotan Acara:

Pembentangan modul latihan dilakukan mengikut isi kandungan Buku Panduan TOT:

‘Pengenalan Program SeDAR’ dan ‘Aliran Kerja CBDRR’ oleh Eriko Motoyama

Modul 1, ‘Memahami Konsep DRR’ oleh Eriko Motoyama

Modul 2, ‘Memahami Risiko Tempatan’, oleh Kol. (PA) Ts. Dr. Mohamad Fazli Sardi. Konsep bahaya lawan risiko dan pendekatan pelaksanaan berasaskan komuniti.

Penjelasan berdasarkan sains dan bukti tentang bahaya dan risiko tanah runtuh dengan menggunakan peta di Ulu Klang oleh Dato' Zakaria Mohamad

Penjelasan berasaskan sains dan bukti tentang bahaya dan risiko banjir dengan menggunakan pemodelan banjir di Kg. Sungai Serai oleh Dr. Faizah Che Ros

Penjelasan tentang banjir pantai berasaskan sains dan bukti dengan menggunakan peta topografik digital di Kapar oleh Ir. Dr. Mohamad Hidayat Jamal

Modul 3, ‘Merancang, Melaksana dan Menilai Program CBDRR’ oleh Hafiz Amirrol. Modul ini turut melibatkan satu latihan berkumpulan dalam penyelesaian masalah.



D2. TOT untuk Pemimpin Komuniti

Sejumlah 81 Pelatih Komuniti dilatih dalam 3 sesi.

2-1. Pemimpin Komuniti - Ulu Klang, Daerah Gombak (10 Ogos 2022)

Penjelasan:

Sesi latihan selama satu hari telah diadakan oleh Jurulatih Induk untuk melatih pemimpin komuniti di Ulu Klang supaya mereka boleh menjadi jurulatih komuniti dalam bidang CBDRR.

Kehadiran: 35

Pelatih Komuniti yang terima Sijil TOT: 13

Pelatih Komuniti:

Ahli Majlis, Ampang Jaya Zon 5
Wakil dari EXCO negeri
Penghulu Mukim
Nazir Masjid
Ketua-ketua Taman Perumahan
Ketua-ketua Kampung

Jurulatih Induk:

Majlis Perbandaran Ampang Jaya(MPAJ)
Angkatan Pertahanan Awam Malaysia
(APM) Selangor
Majlis Perbandaran Klang (MPK)
Akademi Latihan Pertahanan Awam
(ALPHA)
Jabatan Mineral dan Geosains (JMG)
Polis DiRaja Malaysia (PDRM)
Pejabat Daerah & Tanah (PDT) Klang

Sorotan Acara:

Kandungan dan atur cara latihan ini diadakan mengikut Buku Panduan TOT.

‘Pengenalan tentang Program SeDAR’ dan ‘Aliran Kerja CBDRR ’ oleh Eriko Motoyama

Modul 1, ‘Memahami Konsep DRR ’, oleh Majlis Perbandaran Ampang Jaya dan Angkatan Pertahanan Awam Malaysia.

Modul 2, ‘Memahami Risiko Tempatan’

Konsep bahaya lawan risiko dan pendekatan pelaksanaan berasaskan komuniti oleh Dr. Khamarrul Azahari dan Kol. (PA) Ts. Dr. Mohamad Fazli Sardi.

Penjelasan tentang bahaya dan risiko tanah runtuh dengan menggunakan peta di Ulu Klang by Dato’ Zakaria Mohamad

Penjelasan tentang banjir berasaskan sains dan bukti dengan menggunakan permodelan sungai di Kg. Sungai Serai oleh Dr. Faizah Che Ros

Modul 3, ‘Merancang, Melaksana dan Menilai Program CBDRR ’ oleh Angkatan Pertahanan Awam Malaysia (APM) Selangor, Akademi Latihan Pertahanan Awam (ALPHA), Pejabat Daerah Klang. Sesi ini turut melibatkan aktiviti berkumpulan dalam analisis masalah.



2-2. Pemimpin Komuniti - Kg. Tok Muda & Mukim Kapar, Daerah Klang (25 Ogos 2022 & 29 November 2022)

Penjelasan:

Sesi latihan selama satu hari telah diadakan oleh Jurulatih Induk yang melatih pemimpin komuniti di Kg Tok Muda dan Mukim Kapar supaya mereka boleh menjadi jurulatih komuniti dalam bidang CBDRR.

Nota: Sesi latihan ini dijalankan sebanyak dua kali untuk pencapaian dan pendedahan yang lebih meluas di kawasan Kapar.

Kehadiran: 53

Jurulatih Komuniti yang Terima Sijil TOT: 23

Pelatih Komuniti:

Ahli Majlis
Ahli Dewan Undangan Negeri
Penghulu
Ketua Kampung dan ahli jawatankuasa
Nazir Masjid

Jurulatih Induk:

Akademi Latihan Pertahanan Awam
(ALPHA)
Angkatan Pertahanan Awam Malaysia
(APM) Selangor
Jabatan Mineral dan Geosains (JMG)
Unit Pengurusan Bencana Negeri (UPBN)
Selangor
Pejabat Daerah & Tanah (PDT) Klang

Sorotan Acara:

Kandungan dan atur cara bagi sesi latihan ini diadakan mengikut Buku Panduan TOT.

‘Pengenalan tentang Program SeDAR’ dan ‘Aliran Kerja CBDRR’ oleh Mohd Azzuan Syah, UPBN

Modul 1, ‘Memahami Konsep DRR’, oleh Muhammad Izzat, UPBN dan Kapt. Dzaifullah, ALPHA

Modul 2, ‘Memahami Risiko Tempatan’ oleh Pembentang Teknikal Dr. Rozaimi dari UTM KL. Beliau memberi keterangan tentang senario ringkas pembanjiran pantai dan hulu sungai di Kapar

Modul 3, ‘Merancang, Melaksana dan Menilai Program CBDRR oleh Lt. Azli, Kapt. Alip dari ALPHA, dan Kapt. Ruslan Lok, dari APM Hulu Langat

Semasa latihan Garis Masa Bencana, para peserta membangkitkan tiga isu utama yang menjadi masalah di kawasan Kapar. Secara ringkasnya:

- Pembanjiran pantai dan sungai (bencana besar yang berlaku semasa musim monsun)
- Banjir Kilat (disebabkan oleh sistem perparitan yang tidak memadai atau pun sudah rosak). Beberapa komuniti menghadapi banjir setiap bulan (setiap kali hujan lebat), lantas mengakibatkan kemusnahan harta benda.
- Mereka juga menyatakan bahawa pembangunan bandar turut menyebabkan banjir di kawasan perumahan bersebelahan yang sedia ada.



2-3. Pemimpin Komuniti – Batu 14, Kg. Sungai Serai & Mukim Hulu Langat, Daerah Hulu Langat (1 Oktober 2022)

Matlamat:

Sesi latihan selama satu hari telah diadakan oleh Jurulatih Induk untuk pemimpin komuniti Batu 14, Kg. Sungai Serai & Mukim Hulu Langat supaya mereka boleh menjadi jurulatih komuniti dalam bidang CBDRR.

Kehadiran: 64

Jurulatih Komuniti yang Menerima Sijil TOT: 45

Pelatih Komuniti:

Ketua-ketua Kampung
Ahli-ahli Jawatankuasa Kampung
Penghulu-penghulu Mukim

Jurulatih Induk:

Angkatan Pertahanan Awam Malaysia
(APM) Selangor
Akademi Latihan Pertahanan Awam
(ALPHA)
Jabatan Mineral dan Geosains (JMG)
Selangor
Unit Pengurusan Bencana Negeri (UPBN)
Selangor
Polis Daerah (Ampang Jaya)
Pejabat Daerah & Tanah (PDT) Gombak

Sorotan Acara:

Kandungan dan atur cara bagi sesi latihan ini diadakan mengikut Buku Panduan TOT.

‘Pengenalan tentang Program SeDAR’ dan ‘Aliran Kerja CBDRR’ oleh UPBN

Modul 1, ‘Memahami Konsep DRR’ oleh Azzuan dan Muhammad Izzat dari UPBN.

Modul 2, ‘Memahami Risiko Tempatan’ oleh Mohd Khairudin dari Majlis Perbandaran Ampang Jaya, Muhammad Ramzanee dari Jabatan Mineral dan Geosains, dan Kapt. Ruslan Lok dari APM Hulu Langat.

Pembentang Teknikal Dr. Rozaimi dari UTM KL. Beliau memberi keterangan tentang senario ringkas pembanjiran pantai dan hulu sungai di Kapar.

Modul 3, ‘Merancang, Melaksana dan Menilai Program CBDRR’ oleh Lt. Azli, Kapt. Alip dari ALPHA, dan Kapt. Ruslan Lok, dari APM Hulu Langat.

Pembentangan khas oleh Ketua Kg. Batu 13, Abdul Rashid Ahmad. Beliau membuat pembentangan selama 15 minit tentang bencana Disember 2021 dan bagaimana penduduk bertindak balas semasa bencana tersebut.

Semasa latihan amali Garis Masa Bencana, beberapa cabaran dikemukakan oleh para peserta. Antaranya:

Mengubah cara pemikiran orang ramai supaya lebih pro-aktif dan tidak leka. Aktiviti-aktiviti SeDAR perlu lebih kreatif untuk menarik minat komuniti supaya mengambil bahagian. Penggunaan media sosial mungkin lebih berkesan disamping penggunaan media cetak tradisional.

Penduduk di Kg. Sungai Serai mempunyai sikap tidak mendengar arahan pihak berkuasa walaupun amaran tentang bahaya telah diumumkan. Oleh itu, penduduk kebanyakannya tidak berpindah dari kawasan mereka tetapi hanya tunggu dan lihat.

Sikap penduduk yang pentingkan diri. Para peserta menyatakan bahawa penduduk tidak turut serta untuk membantu atau bertindak secara proaktif. Mereka hanya menunggu arahan daripada pihak berkuasa untuk langkah-langkah yang perlu dilakukan seterusnya.

LAPORAN AKHIR
PROGRAM PERKONGSIAN SeDAR JICA

Menerima maklum balas yang bernilai tentang pemahaman para peserta tentang punca tanah runtuh dan banjir di Hulu Langat:

- Sungai yang cetek akibat pembangunan haram
- Pembuangan sampah ke sungai
- Pembersihan dan pengurusan sungai tidak dilaksanakan dengan baik
- Pembinaan lebuh raya EKVE yang menghalang aliran air sungai yang asal
- Aktiviti pertanian dan pembangunan perumahan yang tidak mengikut garis panduan penguatkuasaan yang sah
- Pemotongan cerun dan pembinaan rumah di kaki cerun
- Pembangunan bandar dan cerun yang tidak mendapat permit perancangan



E. BENGKEL KOMUNITI

NOTA: Bengkel dijalankan untuk Ulu Klang dan Kapar. Dua bengkel untuk Mukim Hulu Langat (Batu 14 dan Kg. Sg. Serai) telah dilaksanakan secara serentak dengan acara Jenguk Kampung.

1. Bengkel Komuniti - Ulu Klang, Daerah Gombak (16 Oktober & 18 Disember 2022)

Penjelasan:

Bengkel selama satu hari telah diadakan untuk Jurulatih Komuniti memberi pembentangan modul-modul CBDRR kepada komuniti di Ulu Klang.

Nota: Bengkel ini dijalankan sebanyak dua kali untuk mendapat capaian dan pendedahan maksimum di kawasan Ulu Klang.

Kehadiran: 28 (Oktober) dan 89 (Disember). Sejumlah 104 peserta dari komuniti.

Jurulatih Komuniti:

| | |
|--------------------------|----------------|
| Ngasri Jaafar | Nazli Idris |
| Mohamad Arshad Raji | How Say Sze |
| Farid Faiz | Sa'adah Salleh |
| Badrulisham Mohd Akhirin | |

Sorotan Acara:

Kandungan dan atur cara bagi sesi latihan ini diadakan mengikut Buku Garis Panduan ToT:

'Pengenalan Tentang SeDAR' dan **'Aliran Kerja CBDRR'** oleh Eriko Motoyama, dari SeDAR dan Ngasri Jaafar

Modul 1, 'Kenapa kita memerlukan CBDRR?', pembentangan oleh Dato' Mohamad Arshad Raji, Farid Faiz, dan Sa'adah Salleh

Modul 2, 'Memahami Bahaya dan Risiko dalam Komuniti Kita' oleh Badrulisham Akhirin

Module 3, 'Apa Seterusnya: Merancang dan Melaksana Tindakan' oleh How Say Sze, Sa'adah Salleh dan Farid Faiz

Sesi soal jawab dengan para peserta telah menimbulkan beberapa isu dan cabaran di Bukit Antarabangsa dan Ukay Perdana yang secara ringkasnya:

- Perasaan tidak percaya dan kekecewaan terhadap kerajaan tempatan serta keengganan pihak komuniti mengambil bahagian dalam program yang melibatkan agensi kerajaan.
- Oleh itu, usaha seperti Program SeDAR amatlah dialu-alukan. Adalah diharapkan agar SeDAR boleh mendapat keterlibatan wakil dari taman-taman perumahan. Sukar untuk mendapat keterlibatan setiap anggota komuniti. Oleh itu, adalah penting untuk setiap taman mempunyai wakil penduduk.



2. Bengkel Komuniti - Kg. Tok Muda & Mukim Kapar, Daerah Klang (10 Disember 2022)

Penjelasan :

Bengkel selama satu hari telah diadakan untuk Jurulatih Komuniti memberi pembentangan modul CBDRR kepada komuniti di Kg. Tok Muda & Mukim Kapar.

Kehadiran: 47

Jurulatih Komuniti:

Md Jamaludin bin Ramlan
Mohd Fauzi bin Ariffin
Zulkifli bin Ismail
Shamsuddin bin Liman

Ahli Jawatankuasa Bukit Kapar
Mohd Norhizam bin Hussein
Umi binti Jumaina

Sorotan Acara:

Kandungan dan atur cara bagi sesi latihan ini diadakan mengikut Buku Panduan ToT:

‘Pengenalan Tentang SeDAR’ dan ‘Aliran Kerja CBDRR’ oleh Eriko Motoyama dari SeDAR

Modul 1, ‘Kenapa kita memerlukan CBDRR?’, pembentangan oleh Mohd Rizan dan Umi Jumaina

Modul 2, ‘Memahami Bahaya dan Risiko dalam Komuniti Kita’ oleh Zulkifli Ismail dan Shamsuddin Liman

Modul 3, ‘Apa Seterusnya: Merancang dan Melaksana Tindakan’ oleh Mohd Norhizam dan Md Jamaludin

Sesi soal jawab dengan peserta telah membangkitkan beberapa isu dan cabaran di Kapar, antaranya ialah:

- Banjir pantai akibat daripada gabungan kejadian air pasang besar dan aliran air hujan dari kawasan hulu sungai (Sungai Kapar Besar)
- Pembinaan/pembangunan dengan sistem perparitan yang tidak mencukupi di kawasan tersebut yang telah mengakibatkan banjir kilat
- Banjir kilat berlaku akibat lebih banyak pembangunan bandar dan zon industri (permukaan konkrit yang menyebabkan air mengalir ke sungai dan sistem perparitan)
- Satu lagi cabaran yang dibangkitkan oleh peserta ialah sikap komuniti yang tidak menggalakkan terhadap DRR yang berdasarkan komuniti
- Walau bagaimanapun, sebagai ketua-ketua kampung, mereka tetap memberi sokongan padu terhadap program SeDAR dan berusaha mendapatkan penglibatan komuniti sebaik yang mungkin



F. JENGUK KAMPUNG & PEMETAAN KOMUNITI

1. Jenguk Kampung & Pemetaan Komuniti - Ulu Klang, Daerah Gombak (19 Februari 2023)

Penjelasan:

Bengkel selama satu hari telah diadakan bersama komuniti untuk pelaksanaan Jenguk Kampung dan Pemetaan Komuniti di Ulu Klang.

Kehadiran: 90

Ketua-ketua Persatuan Penduduk
Jawatankuasa Masjid
Pertubuhan berasaskan Komuniti
Polis Daerah

Majlis Perbandaran Ampang Jaya (MPAJ)
Pejabat Daerah & Tanah (PDT) Gombak
Jabatan Mineral & Geosains (JMG) Selangor

Sorotan Acara:

Sebelum Jenguk Kampung


- a) **Taklimat Teknikal**: ‘Penjelasan tentang Bahaya & Risiko Tanah Runtuh’ oleh Encik Qalam Azad Rosle, JMG Selangor yang memberikan penerangan ringkas berkaitan geologi di kawasan Ulu Klang dan jenis-jenis kegagalan cerun yang telah berlaku.
 - b) **Taklimat Pengumpulan Data**: ‘Perkara-perkara yang dicatatkan sebagai Bahaya, Selamat, Berguna dan Ciri-ciri Istimewa’ oleh Eriko Motoyama
 - c) **Taklimat Logistik**: ‘Peraturan, Masa, Keselamatan dan Peranan’ oleh Kol. (PA) Ts. Dr. Mohamad Fazli Sardi, ALPHA

Jenguk Kampung

Kumpulan bagi setiap zon membuat tinjauan di kawasan zon masing-masing dan mencatatkan pemerhatian tempat-tempat ‘bahaya’, ‘selamat’, ‘berguna’ dan ‘istimewa’. Setiap tempat dicatatkan sebagai ‘positif’ atau ‘negatif’:

- a) Zon 1: Taman Sierra Ukay
 - b) Zon 2 & 3: Ukay Perdana
 - c) Zon 4: Taman Sering Ukay
 - d) Zon 5: Taman Kelab Ukay
 - e) Zon 6 & 7: Riverdale Park, Villa Ria, dan Kg. Sungai Sering
 - f) Zon 9: Taman Bukit Jaya

Pemetaan Komuniti



Setiap kumpulan menghasilkan sebuah peta berdasarkan dapatan (positif/negatif) dan pemerhatian (bahaya, selamat, berguna, istimewa) yang diperoleh semasa aktiviti jenguk kampung tersebut.

LAPORAN AKHIR
PROGRAM PERKONGSIAN SeDAR JICA

Mengenal pasti Isu/ Masalah/ Penyelesaian

Para peserta menyenaraikan isu-isu dan masalah di zon masing-masing dan mencadangkan penyelesaian yang boleh dilaksanakan. Dari 35 perkara yang disenaraikan sebagai isu/masalah/penyelasaian, 2 daripadanya berpotensi sebagai aktiviti DRR iaitu:

- a) Isu 1: Kurangnya kesedaran dan kesiapsiagaan komuniti dalam menghadapi bencana
Cadangan Penyelesaian 1: Mendidik menerusi program bersama komuniti.
- b) Isu 2: Kekurangan maklumat, dialog, perbincangan antara pihak kerajaan tempatan dengan komuniti tentang cerun yang boleh membawa kepada pemahaman yang lebih baik tentang keputusan yang dicapai di kalangan komuniti.

Cadangan Penyelesaian 2: (1) Perlunya komunikasi yang lebih baik di antara pihak berkuasa tempatan dengan komuniti. (2) Membina sebuah Pusat Sumber dalam kawasan komuniti untuk memudahkan perkongsian dan penyebaran maklumat berkaitan cerun (dan lain-lain perkara berkaitan alam sekitar) di kalangan komuniti.



2. Bengkel Komuniti, Jenguk Kampung & Pemetaan Komuniti - Batu 14 & Mukim Hulu Langat, Daerah Hulu Langat (26 Februari 2023)

Penjelasan:

Sesi selama satu hari telah diadakan untuk (1) Bengkel Komuniti dan (2) menjalankan aktiviti Jenguk Kampung dan Pemetaan Komuniti di Batu 14 dan Mukim Hulu Langat.

Kehadiran: 53

| | |
|---|---|
| Penghulu | Angkatan Pertahanan Awam Malaysia (APM) Hulu Langat |
| Ketua-ketua Kampung & Ahli Jawatankuasa | |
| Penduduk | Pusat Kesiapsiagaan dan Pencegahan Bencana (DPPC), UTM KL |
| Majlis Perbandaran Kajang | |
| Unit Pengurusan Bencana Negeri (UPBN) | |
| Selangor | |

Sorotan Acara:

[Bengkel Komuniti]

Kandungan dan atur cara bagi sesi latihan ini diadakan mengikut Buku Panduan ToT:

- ‘Pengenalan Program SeDAR’ dan ‘Aliran Kerja CBDRR’ oleh Eriko Motoyama
- Modul 1, ‘Memahami Konsep CDBRR’ oleh Abdul Rashid Ahmad
- Modul 2, ‘Memahami Risiko Tempatan’ oleh Amran Ahmad
- Modul 3, ‘Merancang, Melaksana dan Menilai Program CBDRR’ oleh Eriko Motoyama

Sebelum Jenguk Kampung

- Taklimat Pengumpulan Data: ‘Perkara-perkara yang perlu dicatatkan sebagai Bahaya, Selamat, Berguna dan Ciri-ciri Istimewa’ oleh Eriko Motoyama
- Taklimat Logistik: ‘Peraturan, Masa, Keselamatan dan Peranan’ oleh Kapt. Ruslan Lok, APM Hulu Langat

Jenguk Kampung

Kumpulan-kumpulan setiap zon membuat tinjauan di kawasan masing-masing dan mencatatkan pemerhatian tempat-tempat ‘bahaya’, ‘selamat’, ‘berguna’ dan ‘istimewa’. Setiap tempat dicatatkan sebagai ‘positif’ atau ‘negatif’:


- EKVE Semungkis (Zon 1)
- Jalan Felcra Semungkis (Zon 2)
- Jalan Felcra Semungkis (Zon 3)
- Jalan Felcra Semungkis (Zon 4)



LAPORAN AKHIR PROGRAM PERKONGSIAN SeDAR JICA

Pemetaan Komuniti

Setiap kumpulan menghasilkan sebuah peta berdasarkan dapatan (positif/negatif) dan pemerhatian (bahaya, selamat, berguna dan istimewa) yang diperoleh semasa aktiviti jenguk kampung.



Mengenal pasti isu/masalah/penyolesaian

Para peserta menyenaraikan isu/masalah di zon masing-masing dan mencadangkan penyelesaian yang boleh dilaksanakan oleh komuniti. Dari 15 perkara yang disenaraikan sebagai isu/masalah/penyolesaian, 2 perkara muncul sebagai aktiviti DRR yang mempunyai potensi iaitu:

- Isu 1:** Ketiadaan sistem amaran awal bagi tanah runtuh,
Cadangan Penyelesaian 1: Pemasangan siren oleh JMG atau JKR
- Isu 2:** Risiko tanah runtuh
Cadangan Penyelesaian 2: Bekerjasama dengan komuniti tempatan di lokasi-lokasi yang menunjukkan tanda-tanda bahaya dan siren-siren yang diperlukan.



LAPORAN AKHIR PROGRAM PERKONGSIAN SeDAR JICA

3. Jenguk Kampung & Pemetaan Komuniti - Kg. Tok Muda & Mukim Kapar, Daerah Klang (5 Mac 2023)

Penjelasan:

Bengkel selama satu hari telah diadakan dengan komuniti untuk melaksanakan aktiviti Jenguk Kampung dan Pemetaan Komuniti di Kg. Tok Muda dan Mukim Kapar.

Kehadiran: 43

Penghulu
Ketua-ketua Kampung & Ahli Jawatankuasa
Penduduk
Majlis Perbandaran Klang (MPK)
Unit Pengurusan Bencana Negeri (UPBN)

Angkatan Pertahanan Awam Malaysia
(APM) Klang
Pusat Kesiapsiagaan dan Pencegahan
Bencana (DPPC), UTM KL

Sorotan Acara:

Sebelum Jenguk Kampung

- a) **Taklimat Pengumpulan Data: ‘Perkara-perkara yang perlu dicatatkan sebagai Bahaya, Selamat, Berguna dan Ciri-ciri Istimewa’** oleh Eriko Motoyama
 - b) **Taklimat Logistik: ‘Peraturan, Masa, Keselamatan dan Peranan’** oleh Kapt. Ruslan Lok, APM Hulu Langat

Jenguk Kampung

Kumpulan-kumpulan setiap zon menjalankan tinjauan di kawasan masing-masing dan mencatatkan pemerhatian tempat-tempat ‘bahaya’, ‘selamat’, ‘berguna’ dan ‘istimewa’. Setiap tempat dicatatkan sebagai ‘positif’ atau ‘negatif’:

- a) Jalan Pencawang Pantai (Zon 1)
 - b) Jalan Janakuasa 1 (Zon 2)
 - c) Jalan Janakuasa 2 (Zon 3)
 - d) Taman Intan & Saga (Zon 4)
 - e) Kampung Bukit Kerayong (Zon 5)
 - f) Kampung Bukit Kapar (Zon 6)

Pemetaan Komuniti

Setiap kumpulan menghasilkan sebuah peta berdasarkan dapatan (positif/negatif) dan pemerhatian (bahaya, selamat, berguna dan istimewa) yang diperoleh semasa aktiviti jenguk kampung.



| SeDAR PETA KOMUNITI & ISU/CADANGAN TINDAKAN KOMUNITI (6 ZON) MURUM KAPAR (PEKAN), KLANG | | | |
|---|-------------------|--|---------------|
| GROUP 2, ZONE 2: JALAN JANAKUSA I | | | |
| MEMBERS: Shamsuddin bin Umar (Belian Kampung), Rosman bin Shaharudin, Mohd Afiq bin Salim, Mohd Ehsy Syafiq bin Abdul Rahman, Alif Karim bin Abd Majeed, Mohd Zain bin Hisham | | | |
| CATATAN ATAS PERMOHONAN | | | |
| No. | Kategori | Catatan | Pemohon/Logam |
| 1. | Lemakot Daharia | Kawasan berjaya - Kawasan berlatar - Ber-enjinah | |
| 2. | Tampuk Daharia | Kawasan berjaya - 7 rumah berbilid | |
| 3. | Tampuk Daharia | Kawasan berjaya - 7 rumah berbilid | |
| 4. | Inisiatif Lokal | | |
| 5. | Inisiatif Lokal | | |
| 6. | Inisiatif Lokal | | |
| 7. | Sempadan Tempuran | Batu Pekan PDRB | |

A detailed map showing the layout of Jalan Janakusa I, including property boundaries, roads, and various landmarks. The map is titled "TOWN PLANNING & ZONING MAP FOR JALAN JANAKUSA I, MURUM KAPAR, PEKAN, KLANG". It includes a legend at the bottom right and a north arrow.

| Isu | Kesulitan | Catatan Pengelitian | Tindakan/Inisiatif Kecerdasan | Pendekatan Pengembangan |
|-----|--|--|--|--|
| 1. | Bangun infrastruktur | Merkantilisme, menginggih 5 miliar Mengalihfungsikan bantuan | Pemerintah berusaha diiklaskan Pemerintah berusaha untuk mengelola | Sebagian besar (seluruh selain) |
| 2. | Sosial-metaphis | Merkantilisme dan mekanisme yang sistematis Antar | Pemerintah berusaha dengan TBM | Sebagian besar (seluruh selain) |
| 3. | Kebutuhan energi dan irigasi | Strategi konservasi Perbaikan teknologi dan sistem Untuk mendukung pertumbuhan ekonomi | Bersama-sama dengan TBM | Sebagian besar (seluruh selain) |
| 4. | Peningkatan Masa Hidup (PHM) dan kesehatan | Untuk kesehatan dan PHM Untuk kesehatan dan PHM | Bersama-sama dengan TBM | Sebagian besar (seluruh selain) |
| 5. | Bangun infrastruktur dan teknologi | Merkantilisme Mengalihfungsikan bantuan | TBM saja | Sebagian segera |
| 6. | Bangun tembaga | Bangun tembaga yang tidak bantuan Bantuan yang tidak bantuan | JPP/TBM | 12 tahun |
| 7. | Pengembangan teknologi | Merkantilisme Untuk mendukung teknologi dan pengetahuan teknologi | Akselerasi teknologi dan pengetahuan teknologi | Sebagian |
| 8. | Pembangunan baru | Kota-kota baru Sumber daya tanah dan sumber daya Untuk mendukung teknologi dan pengetahuan teknologi | Pemerintah kepada MTK dan IPS Pemerintah kepada WILK/WILK | Benturan (dilemahan dalam dalam pengembangan) |
| 9. | Sistem pemerintahan yang bersifat | Pembangunan yang bersifat Tak terkontrol Tak terkontrol | Pembangunan dan perbaikan pemerintahan Pemerintahan dan keruangan dan keruangan | Bersamaan berjalan |
| 10. | Kewaspadaan terhadap | Riskus dan risiko - Bergantung kepada teknologi - Persepsi-perspektif | Menghindari risiko yang serius selain perbaikan Risiko teknologi | 0-12 Indeks |

LAPORAN AKHIR
PROGRAM PERKONGSIAN SeDAR JICA

Mengenal pasti isu/masalah/penyolesaian

Para peserta telah menyenaraikan isu-isu dan masalah di zon masing-masing dan mencadangkan penyelesaian yang boleh dilaksanakan. Dari 26 perkara yang disenaraikan sebagai isu/masalah/penyolesaian, 2 perkara muncul sebagai aktiviti-aktiviti DRR yang mempunyai potensi iaitu:

- a) Isu 1: Tidak semua penduduk tahu tentang lokasi pusat pemindahan
Cadangan Penyelesaian 1: Maklumkan kepada penduduk tentang lokasi pusat pemindahan sementara (menaikkan papan tanda)
- b) Isu 2: Bunyi siren tidak kuat
Cadangan Penyelesaian 2: Memperbaiki siren atau membuat pengumuman boleh menerusi pembesar suara masjid.



4. Bengkel Komuniti, Jenguk Kampung & Pemetaan Komuniti - Kg. Sungai Serai & Mukim Hulu Langat, Daerah Hulu Langat (12 Mac 2023)

Penjelasan:

Sesi selama satu hari telah diadakan untuk (1) menjalankan Bengkel Komuniti dan (2) melaksanakan Jenguk Kampung serta Pemetaan Komuniti di Kg. Sungai Serai dan Mukim Hulu Langat.

Kehadiran: 57

| | |
|---|------------------------------------|
| Penghulu | Angkatan Pertahanan Awam Malaysia |
| Ketua-ketua Kampung & Ahli Jawatankuasa | (APM) Hulu Langat |
| Penduduk | Akademi Latihan Pertahanan Awam |
| Majlis Perbandaran Kajang | (ALPHA) |
| Jabatan Pengairan & Saliran (JPS) | Pusat Kesiapsiagaan dan Pencegahan |
| Ahli Dewan Undangan Negeri | Bencana (DPPC), UTM KL |
| Unit Pengurusan Bencana Negeri (UPBN) | |
| Selangor | |

Sorotan Acara:

Bengkel Komuniti

Kandungan dan atur cara bagi sesi latihan ini diadakan mengikut Buku Panduan ToT:

- 'Pengenalan Tentang Program SeDAR' dan 'Aliran Kerja CBDRR' oleh Eriko Motoyama
- 'Modul 1, Memahami Konsep CBDRR' oleh Mohamad Hanafiah Hussin
- 'Modul 2, Memahami Risiko Tempatan' oleh Sa'adin Ahmad
- 'Modul 3, Merancang, Melaksanakan dan Menilai Program CBDRR' oleh Eriko Motoyama

Sebelum Jenguk Kampung

- Taklimat Pengumpulan Data: 'Perkara-perkara yang perlu dicatatkan sebagai Bahaya, Selamat, Berguna dan Ciri-ciri Istimewa' oleh Eriko Motoyama
- Taklimat Logistik Briefing: 'Peraturan, Masa, Keselamatan dan Peranan' oleh Kapt. Ruslan Lok, APM Hulu Langat

Jenguk Kampung

Kumpulan-kumpulan setiap zon menjalankan tinjauan di kawasan masing-masing dan mencatatkan pemerhatian tempat-tempat 'bahaya', 'selamat', 'berguna' dan 'istimewa'. Setiap tempat dicatatkan sebagai 'positif' atau 'negatif':

- Kampung Sungai Serai (Barat) (Zon 1)
- Kampung Sungai Serai (Timur) (Zon 2)
- Jalan Sungai Betung (Barat) (Zon 3)
- Jalan Sungai Betung (Timur) (Zon 4)
- (Tapak tambahan atas permintaan Ketua Kampung)
Jalan Kampung Sg. Tekali (kira-kira 10km dari Kg Sungai Serai)



Pemetaan Komuniti

Setiap kumpulan menghasilkan sebuah peta berdasarkan dapatan (positif/negatif) dan pemerhatian (bahaya, selamat, berguna dan istimewa) yang diperoleh semasa aktiviti jenguk kampung.

LAPORAN AKHIR
PROGRAM PERKONGSIAN SeDAR JICA

| PTTA KOMUNITI & RUMAHAYAM TIMBANGAN KOMUNITI (5 ZON) | | | |
|--|---------------|---|---|
| SeDAR MURIM HULU LANGAT, DAERAH HULU LANGAT | | | |
| KUMPULAN 1, ZONE 1: KAMPUNG SUNGAI SERAI (BARAT) | | | |
| AKTIVITI | | | |
| CATATAN ATAS PETA KOMUNITI | | | |
| NR | Taraf | Kategori | Pembentuk |
| 1. | Sistem Sirens | Memerlukan siren yang berfungsi dengan baik dan berfungsi dengan baik / Tidak Berfungsi | Memerlukan siren yang berfungsi dengan baik dan berfungsi dengan baik |
| 2. | Sistem Amaran | Memerlukan sistem amaran yang lengkap dan berfungsi dengan baik / Tidak Berfungsi | Memerlukan sistem amaran yang lengkap dan berfungsi dengan baik |
| 3. | Peraturan | Peraturan yang lengkap dan berfungsi dengan baik / Tidak Berfungsi | Peraturan yang lengkap dan berfungsi dengan baik |
| 4. | Peraturan | Peraturan yang lengkap dan berfungsi dengan baik / Tidak Berfungsi | Peraturan yang lengkap dan berfungsi dengan baik |
| 5. | Peraturan | Peraturan yang lengkap dan berfungsi dengan baik / Tidak Berfungsi | Peraturan yang lengkap dan berfungsi dengan baik |
| 6. | Peraturan | Peraturan yang lengkap dan berfungsi dengan baik / Tidak Berfungsi | Peraturan yang lengkap dan berfungsi dengan baik |
| 7. | Peraturan | Peraturan yang lengkap dan berfungsi dengan baik / Tidak Berfungsi | Peraturan yang lengkap dan berfungsi dengan baik |
| 8. | Peraturan | Peraturan yang lengkap dan berfungsi dengan baik / Tidak Berfungsi | Peraturan yang lengkap dan berfungsi dengan baik |
| 9. | Peraturan | Peraturan yang lengkap dan berfungsi dengan baik / Tidak Berfungsi | Peraturan yang lengkap dan berfungsi dengan baik |
| 10. | Peraturan | Peraturan yang lengkap dan berfungsi dengan baik / Tidak Berfungsi | Peraturan yang lengkap dan berfungsi dengan baik |
| 11. | Peraturan | Peraturan yang lengkap dan berfungsi dengan baik / Tidak Berfungsi | Peraturan yang lengkap dan berfungsi dengan baik |
| 12. | Peraturan | Peraturan yang lengkap dan berfungsi dengan baik / Tidak Berfungsi | Peraturan yang lengkap dan berfungsi dengan baik |
| 13. | Peraturan | Peraturan yang lengkap dan berfungsi dengan baik / Tidak Berfungsi | Peraturan yang lengkap dan berfungsi dengan baik |
| 14. | Peraturan | Peraturan yang lengkap dan berfungsi dengan baik / Tidak Berfungsi | Peraturan yang lengkap dan berfungsi dengan baik |
| 15. | Peraturan | Peraturan yang lengkap dan berfungsi dengan baik / Tidak Berfungsi | Peraturan yang lengkap dan berfungsi dengan baik |
| 16. | Peraturan | Peraturan yang lengkap dan berfungsi dengan baik / Tidak Berfungsi | Peraturan yang lengkap dan berfungsi dengan baik |
| 17. | Peraturan | Peraturan yang lengkap dan berfungsi dengan baik / Tidak Berfungsi | Peraturan yang lengkap dan berfungsi dengan baik |
| 18. | Peraturan | Peraturan yang lengkap dan berfungsi dengan baik / Tidak Berfungsi | Peraturan yang lengkap dan berfungsi dengan baik |
| 19. | Peraturan | Peraturan yang lengkap dan berfungsi dengan baik / Tidak Berfungsi | Peraturan yang lengkap dan berfungsi dengan baik |
| 20. | Peraturan | Peraturan yang lengkap dan berfungsi dengan baik / Tidak Berfungsi | Peraturan yang lengkap dan berfungsi dengan baik |
| 21. | Peraturan | Peraturan yang lengkap dan berfungsi dengan baik / Tidak Berfungsi | Peraturan yang lengkap dan berfungsi dengan baik |
| 22. | Peraturan | Peraturan yang lengkap dan berfungsi dengan baik / Tidak Berfungsi | Peraturan yang lengkap dan berfungsi dengan baik |
| 23. | Peraturan | Peraturan yang lengkap dan berfungsi dengan baik / Tidak Berfungsi | Peraturan yang lengkap dan berfungsi dengan baik |

| ISU/PENYELESAIAN | | | |
|------------------|--|--|--------------------|
| NR | Isu/Masalah | Cadangan Penyelesaian | Tindakan/Keputusan |
| 1. | Memerlukan siren yang berfungsi dengan baik dan berfungsi dengan baik | Lantik wakil sukarela setiap jalan/lorong untuk menyebarkan amaran banjir | AKAP |
| 2. | Peraturan yang lengkap dan berfungsi dengan baik dan berfungsi dengan baik | Memerlukan sistem amaran yang lengkap dan berfungsi dengan baik | AKAP |
| 3. | Peraturan yang lengkap dan berfungsi dengan baik dan berfungsi dengan baik | Memerlukan sistem amaran yang lengkap dan berfungsi dengan baik | AKAP |
| 4. | Memerlukan siren yang berfungsi dengan baik dan berfungsi dengan baik | Memohon kepada pejabat daerah untuk menyediakan papan tanda amaran selamat sementara | AKAP |
| 5. | Memerlukan sistem amaran yang lengkap dan berfungsi dengan baik | Memohon kepada pejabat daerah untuk menyediakan papan tanda amaran selamat sementara | AKAP |
| 6. | Memerlukan sistem amaran yang lengkap dan berfungsi dengan baik | Memohon kepada pejabat daerah untuk menyediakan papan tanda amaran selamat sementara | AKAP |
| 7. | Memerlukan sistem amaran yang lengkap dan berfungsi dengan baik | Memohon kepada pejabat daerah untuk menyediakan papan tanda amaran selamat sementara | AKAP |
| 8. | Memerlukan sistem amaran yang lengkap dan berfungsi dengan baik | Memohon kepada pejabat daerah untuk menyediakan papan tanda amaran selamat sementara | AKAP |

KAMPULAN 1, ZONE 1: KAMPUNG SUNGAI SERAI (BARAT)

2

Mengenal pasti Isu/Masalah/Penyelesaian

Para peserta telah menyenaraikan isu dan masalah di zon masing-masing dan mencadangkan penyelesaian yang boleh dilaksanakan. Dari 23 perkara yang disenaraikan sebagai isu/masalah/penyeselesaian, empat (4) perkara muncul sebagai aktiviti yang mempunyai potensi iaitu:

- a) **Isu 1:** Siren yang sedia ada tidak berfungsi/bilangan siren tidak mencukupi untuk kawasan tersebut

Cadangan Penyelesaian 1: Lantik wakil sukarela setiap jalan/lorong untuk menyebarkan amaran banjir
- b) **Isu 2:** Penduduk tidak tahu jalan pilihan yang selamat untuk pemindahan

Cadangan Penyelesaian 2: Amaran menerusi media sosial (WhatsApp) dan pemakluman daripada pihak berkuasa
- c) **Isu 3:** Kurang pengetahuan tentang pelan tindakan kecemasan

Cadangan Penyelesaian 3: Tingkatkan pengetahuan di peringkat komuniti.
- d) **Isu 4:** Perlu papan tanda amaran/selamat sementara

Cadangan Penyelesaian 4: Memohon kepada pejabat daerah untuk menyediakan papan tanda.



G. BENGKEL PERANCANGAN AKTIVITI-AKTIVITI DRR BERSAMA PAKAR-PAKAR DRR

1. Bengkel Merancang Aktiviti DRR - Kg. Tok Muda & Mukim Kapar, Daerah Klang (21 Mac 2023)

Penjelasan:

Bengkel selama separuh hari telah diadakan untuk ahli komuniti mengenal pasti dan merancang aktiviti DRR untuk Kg. Tok Muda & Mukim Kapar dengan bantuan dari pakar-pakar DRR.

Kehadiran: 23

Peserta:

Penghulu Mukim Kapar
Lima (5) orang Ketua Kampung
Majlis Perbandaran Klang (MPK)
Unit Pengurusan Bencana Negeri (UPBN)
Universiti Teknologi Malaysia (UTM) KL

Pakar-pakar DRR (Jepun & Tempatan):

Prof. Rajib Shaw, Universiti Keio
Dr. Yasutaka Ueda, Universiti Niigata
Prof. Takako Izumi, Universiti Tohoku
Prof. Madya Dr. Shohei Matsuura, JICA
(UTM KL)
Dr. Khamarrul Azahari, UTM KL
(fasilitator) Eriko Motoyama

Sorotan Acara:

Pembentangan hasil Jenguk Kampung / Pemetaan Komuniti dan Senarai Isu/Masalah/Cadangan Tindakan

Pembentangan oleh Ketua Kampung Jamaluddin

- Bagi setiap zon, beliau timbulkan isu-isu bagi kawasan tersebut, sebagaimana yang tercatat dalam Rumusan Keputusan untuk Kapar
- Beliau memberi tekanan kepada isu pemendapan di sungai dan sistem perparitan

Ulasan Pakar DRR: Komen dan Maklum balas

Berdasarkan pembentangan dan maklumat dari para peserta, pakar-pakar DRR merumuskan isu-isu kepada 6 tindakan yang berpotensi, iaitu:

- Sistem Pengurusan Terusan/Perparitan
- Pengurusan Ban/Daik
- Sistem Amaran Awal
- Pemindahan (termasuk papan tanda)
- Kapasiti kesedaran/pemantauan
- Platform Digital untuk mempamerkan aktiviti/pelaporan kepada pihak berkuasa

Sesi Perbincangan Berkumpulan di Kalangan Peserta

Para peserta membincangkan sama ada 6 tindakan yang berpotensi tersebut boleh dilaksanakan.

Mengenal pasti tindakan DRR

Daripada 6 tindakan yang dicadangkan, 4 daripadanya disenarai pendekkan oleh peserta komuniti bersama pakar-pakar DRR : sistem amaran awam, pusat pemindahan (papan tanda), membangunkan kapasiti kesedaran/pemantauan, dan platform digital.

LAPORAN AKHIR PROGRAM PERKONGSIAN SeDAR JICA

Kg. Tok Muda

| No. | Aktiviti | Butiran |
|-----|--|---------|
| 1. | Pengurusan Terusan | |
| 2. | Pengurusan Ban/Daik | |
| 3. | Sistem Amaran Awam | |
| 4. | Pusat Pemindahan (Papan Tanda) | |
| 5. | Kesedaran/Pemantauan/Kapasiti | |
| 6. | Platform digital untuk memperkenalkan aktiviti/Pelaporan kepada pihak berkuasa | |

Para peserta dan pakar-pakar DRR membincangkan kemampuan untuk melaksanakan aktiviti-aktiviti ini dari segi kapasiti tempatan, kewangan dan masa.

Pemilihan Muktamad Aktiviti DRR Komuniti

Akhirnya, 3 aktiviti dipilih dan dijadikan pilihan sebagai aktiviti komuniti:

- Sistem Amaran Awam:** Penggunaan sistem pembesar suara masjid sebagai sistem amaran awam.
- Kesedaran dan Pendidikan:** Menggunakan masjid sebagai tempat untuk meningkatkan kesedaran tentang DRR (bukan setakat pusat pemindahan sahaja).
- Platform Kerajaan - Komuniti:** Hasilkan satu platform yang mudah mendapat perhatian bagi usaha-usaha komuniti.



2. Bengkel Perancangan Aktiviti DRR - Batu 14 & Mukim Hulu Langat, Daerah Hulu Langat (22 Mac 2023)

Penjelasan:

Bengkel selama separuh hari telah diadakan untuk ahli komuniti mengenal pasti dan merancang aktiviti DRR untuk Kg Batu 14 & Mukim Hulu Langat

Kehadiran: 33

Peserta:

Penghulu
Ketua-ketua Kampung (9 orang)
Unit Pengurusan Bencana Negeri (UPBN)
Selangor
Akademi Latihan Pertahanan Awam
(ALPHA)
Angkatan Pertahanan Awam Malaysia
(APM) Hulu Langat
Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS)
Majlis Keselamatan Negara (MKN)

Majlis Perbandaran Kajang (MPKj)

Pakar-pakar DRR (Jepun & Tempatan):

Prof. Rajib Shaw, Universiti Keio
Dr. Yasutaka Ueda, Universiti Niigata
Prof. Takako Izumi, Universiti Tohoku
Prof. Madya Dr. Shohei Matsuura, JICA
(UTM KL)
Dr. Khamarrul Azahari, UTM KL
(fasilitator) Eriko Motoyama

Sorotan Acara:

Pembentangan hasil Jenguk Kampung / Pemetaan Komuniti dan Senarai Isu/ Masalah/Cadangan Tindakan

Mohamad Hanafiah Hussin, Ketua Kampung, membuat pembentangan peta komuniti dan senarai isu/penyolesaian bagi 4 zon yang dihasilkan daripada aktiviti Jenguk Kampung / Pemetaan Komuniti yang telah dilaksanakan. Beliau membuat ringkasan seperti berikut:

- Banjir kilat (terutama sekali di tapak di mana sebuah lebuh raya baru dibina)
- Sistem perparitan yang tidak memadai
- Ketiadaan sistem amaran awal bagi cerun-cerun

Ulasan Pakar DRR: Komen dan Maklum balas

Berdasarkan pembentangan dan maklumat dari para peserta, pakar-pakar DRR telah membuat beberapa pemerhatian dan komen:

- Kurang Kesedaran & Pendidikan tentang Cerun - Tanah runtuh yang memusnahkan rumah anak yatim pada 2011 mengambil masa selama 12 tahun untuk bencana berlaku selepas cerun ditarah. Tanda-tandanya ada, tetapi orang ramai tidak menyadarinya.
- Kesiapsiagaan Komuniti – Pihak komuniti ada menyatakan bahawa tiada kejadian tanah runtuh berlaku di tahun-tahun sebelum ini, tetapi mereka perlu berwaspada kerana bencana boleh berlaku tanpa diduga.
- Perlu diadakan dialog dengan pemegang taruh yang membuat pembangunan di kawasan tersebut – Dialog perlu diadakan antara agensi dan komuniti untuk menyelesaikan isu.
- Latih amal kesiapsiagaan dan keterangkuman - Adalah perlu untuk melibatkan semua anggota dalam setiap keluarga dalam kesiapsiagaan bencana, termasuk kanak-kanak dan kaum ibu; bukan hanya lelaki yang menjadi ketua keluarga.

Berdasarkan pembentangan dan maklumat dari para peserta, pakar-pakar DRR merumuskan isu-isu tersebut kepada 5 tindakan yang berpotensi seperti berikut:

LAPORAN AKHIR
PROGRAM PERKONGSIAN SeDAR JICA

- a) Dialog dengan pemaju EKVE (Zon 1)
- b) Latih amal Bencana (Laluan Pemindahan/amaran awal/keterangan)
- c) Amaran tanah runtuh berasaskan komuniti
- d) Pemantauan pembuangan sampah
- e) Platform digital untuk mempamerkan aktiviti/pelaporan kepada pihak berkuasa

Sesi Perbincangan Berkumpulan Di Kalangan Peserta

Para peserta membincangkan setiap topik dengan terperinci berdasarkan cabaran, kekangan dan kemampuan komuniti yang sedia ada. Salah satu dari perkara yang dibangkitkan oleh peserta ialah untuk menerapkan pendidikan DRR di sekolah-sekolah.

Kenal pasti Tindakan DRR

Daripada 5 cadangan tindakan, 2 daripadanya disenarai pendekkan oleh peserta komuniti bersama pakar-pakar DRR: amaran tanah runtuh berasaskan komuniti dan platform digital. Para peserta dan pakar-pakar DRR membincangkan kemampuan untuk melaksanakan aktiviti-aktiviti ini dari segi kapasiti tempatan, kewangan dan masa.

Batu 14

| No. | Aktiviti | Butiran |
|-----|---|---------|
| 1. | Dialog dengan EKVE (Zon 1) | |
| 2. | Latihan bencana (Laluan pemindahan/amaran awal/keterangan) | |
| 3. | Amaran tanah runtuh berasaskan komuniti | |
| 4. | Pemantauan sisa | |
| 5. | Platform digital untuk mempamerkan aktiviti/Pelaporan kepada pihak berkuasa | |

Pilihan Muktamad Aktiviti-aktiviti DRR Komuniti

Akhirnya, 1 aktiviti telah dipilih dan dimuktamadkan sebagai aktiviti komuniti, iaitu sistem amaran. Satu aktiviti baru, pendidikan dan kesiapsiagaan (tidak disenaraikan) telah dicadangkan dan dimuktamadkan iaitu:

- a) **Sistem Amaran:** Amaran tanah runtuh berasaskan komuniti
- b) **Pendidikan dan kesiapsiagaan:** DRR untuk murid-murid sekolah



3. Bengkel Perancangan Aktiviti DRR - Kg. Sungai Serai & Mukim Hulu Langat, Daerah Hulu Langat (22 Mac 2023)

Penjelasan:

Bengkel selama separuh hari telah diadakan untuk komuniti mengenal pasti dan merancang aktiviti-aktiviti DRR untuk Kg. Sungai Serai & Mukim Hulu Langat dengan bantuan dari pakar-pakar DRR.

Kehadiran: 28

Peserta:

Penghulu dan Ketua-ketua Kampung
Unit Pengurusan Bencana Negeri (UPBN)
Selangor
Akademi Latihan Pertahanan Awam
(ALPHA)
Angkatan Pertahanan Awam Malaysia
(APM)
Majlis Perbandaran Kajang (MPKj)
Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS)
Majlis Keselamatan Negara (MKN)

Pakar-pakar DRR (Jepun & Tempatan):

Prof. Rajib Shaw, Universiti Keio
Dr. Yasutaka Ueda, Universiti Niigata
Prof. Takako Izumi, Universiti Tohoku
Prof. Madya Dr. Shohei Matsuura, JICA
(UTM KL)
Dr. Khamarrul Azahari, UTM KL
(fasilitator) Eriko Motoyama

Sorotan Acara:

Pembentangan hasil Jenguk Kampung / Pemetaan Komuniti dan Senarai Isu/Masalah/Cadangan Tindakan

Pembentangan oleh Ketua Kampung, Zainuddin Mohamad Tasar, yang menunjukkan peta komuniti dan senarai isu/penyolesaian bagi empat (4) zon yang dihasilkan semasa aktiviti jenguk kampung/Pemetaan Komuniti dilaksanakan. Isu-isu utama ialah :

- a) Siren – walaupun terdapat siren amaran banjir tetapi liputannya adalah terhad
- b) Pusat Pemindahan Sementara – tidak dapat menampung mangsa bencana dan sukar untuk diakses.
- c) Papan tanda – tidak ada. Maka adalah perlu untuk mangsa bencana tahu arah tuju tempat pemindahan.
- d) Ilmu Pengetahuan – ilmu pengetahuan tentang langkah-langkah yang perlu diambil semasa banjir amat kurang dan pengetahuan ini perlu mengambil kira keterangkuman,
- e) Kuasa rasmi kepada Ketua-ketua kampung tidak memadai semasa kecemasan – penduduk mempersoalkan kuasa oleh ketua-ketua kampung yang cuba memberi arahan semasa bencana. Mereka memerlukan sokongan dari pihak atasan.

Ulasan Pakar DRR : Komen dan Maklum Balas

Berdasarkan pemerhatian pakar-pakar DRR, memandangkan siren (amaran awal) tidak kedengaran, komuniti boleh menumpukan perhatian mereka kepada amaran awam. Mereka perlu meluaskan liputan amaran dan memanjangkan amaran tersebut menerusi penyebaran komuniti.

Berdasarkan pembentangan dan maklum balas dari para peserta, pakar-pakar DRR merumuskan isu-isu tersebut di atas kepada 6 tindakan yang berpotensi, iaitu :

- a) Plogging
- b) Sistem amaran awam
- c) Ilmu pengetahuan
- d) Pemantauan
- e) Kesiapsiagaan
- f) Platform Digital untuk pamerkan aktiviti/pelaporan kepada pihak berkuasa

LAPORAN AKHIR
PROGRAM PERKONGSIAN SeDAR JICA

Perbincangan Berkumpulan di Kalangan Peserta

Zainuddin menyatakan bahawa beliau berminat untuk berhubung semula dengan ahli komunitinya untuk aktiviti pembersihan. Beliau menyebut tentang sejenis aktiviti yang dipanggil ‘plogging’

Mengenal pasti tindakan DRR

Peserta komuniti dan pakar-pakar DRR bersama-sama memilih tiga (3) dari 6 tindakan telah disenaraikan untuk penglibatan komuniti.

Kg. Sungai Serai

| No. | Aktiviti | Butiran |
|-----|---|--|
| 1. | Plogging | a. Pembersihan komuniti b. Kurangkan sisa plastik |
| 2. | Sistem amaran awam | a. Lantik wakil jalan untuk amaran b. Media sosial untuk amaran c. Papan tanda |
| 3. | Pengetahuan | a. Pendidikan pemantauan |
| 4. | Pemantauan | a. Laporkan longkang tersumbat b. Pembangunan |
| 5. | Kesiapsiagaan | |
| 6. | Platform digital untuk mempamerkan aktiviti/Pelaporan kepada pihak berkuasa | |

Pilihan Muktamad Aktiviti-aktiviti DRR Komuniti

Akhirnya, 2 pilihan muktamad dibuat sebagai aktiviti komuniti iaitu:

- Plogging:** Gotong royong pembersihan komuniti
- Sistem Amaran Awam:** papan tanda dan penggunaan media sosial untuk amaran/ latih amal pemindahan komuniti.



4. Bengkel Merancang Aktiviti DRR - Ulu Klang, Daerah Gombak (23 Mac 2023)

Penjelasan:

Bengkel selama separuh hari telah diadakan untuk komuniti dan pakar-pakar DRR mengenai pasti dan rancang aktiviti-aktiviti DRR untuk Mukim Ulu Klang, Daerah Gombak.

Kehadiran: 29

Peserta:

Enam (6) sukarelawan penduduk Bukit Antarabangsa dan Ukay Perdana Akademi Latihan Pertahanan Awam (ALPHA) Angkatan Pertahanan Awam Malaysia (APM) Majlis Perbandaran Ampang Jaya (MPAJ) Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) Jabatan Mineral & Geosains (JMG) Majlis Keselamatan Negara (MKN) Unit Pengurusan Bencana Negeri (UPBN)

Jabatan Kerja Raya (JKR)

Pakar-pakar DRR (Jepun & Tempatan)
Dr. Yasutaka Ueda, Universiti Niigata Prof. Takako Izumi, Universiti Tohoku Prof. Madya Dr. Shohei Matsuura, JICA (UTM KL)
Dr. Khamarrul Azahari, UTM KL (fasilitator) Eriko Motoyama

Sorotan Acara:

Pembentangan hasil Jenguk Kampung/Pemetaan Komuniti dan Senarai Isu/Masalah/Cadangan Tindakan

Salah seorang daripada ahli komuniti, Farid Faiz, membentangkan peta komuniti dan senarai isu/penyelesaian untuk 9 zon yang dihasilkan semasa Jenguk Kampung / Pemetaan Komuniti yang dilaksanakan. Isu-isu yang disenaraikan termasuk dalam kategori berikut:

- a) Penyelenggaraan (saliran dan cerun)
- b) Guna tanah (pembangunan baharu, tanah terbengkalai)
- c) Ilmu pengetahuan (kesiapsiagaan kecemasan, papan tanda)
- d) Pemantauan cerun
- e) Sistem amaran awal

Ulasan Pakar DRR: Komen dan Maklum Balas

Pakar DRR telah membuat beberapa pemerhatian, antaranya:

- a) Komunikasi risiko memerlukan komunikasi secara sains untuk memberi gambaran risiko sebenar dan bukan sekadar tanggapan risiko
- b) Pendekatan sistem kerajaan – ahli komuniti perlu faham tentang tadbir urus kerajaan. Mereka perlu faham kekangan pihak kerajaan yang bergantung kepada kesediaan peruntukan dan bidang kerja/tanggungjawab.
- c) Kemampunan – kemampuan komuniti untuk melaksanakan aktiviti DRR secara berterusan dan mampan.
- d) Tambah nilai – komuniti yang melaksanakan aktiviti DRR akan dapat membuat tambah nilai pada proses pembentukan sesuatu kawasan atau bandar.

Berdasarkan pembentangan dan maklumat dari para peserta, pakar-pakar DRR merumuskan isu kepada 7 tindakan yang berpotensi, iaitu:

- a) Penyelenggaraan (bangunan, jalan)
- b) Guna tanah
- c) Penyelenggaraan (sistem saliran, cerun)

LAPORAN AKHIR PROGRAM PERKONGSIAN SeDAR JICA

- d) Ilmu Pengetahuan
- e) Kesiapsiagaan Kecemasan
- f) Pemantauan Cerun
- g) Sistem Amaran Awal

Sesi Perbincangan Berkumpulan di Kalangan Peserta

Para peserta berbincang dengan pakar-pakar DRR tentang perkara-perkara di atas dengan lebih terperinci, dengan bertujuan untuk merangkumi perkara-perkara tersebut sebagai tindakan DRR.

Mengenal pasti Tindakan DRR

Hanya satu dari tujuh cadangan tindakan dipilih untuk tujuan perkongsian ilmu.

Ulu Klang

| No. | Aktiviti | Butiran |
|-----|---|---|
| 1. | Penyelenggaraan (bangunan, jalan raya) | Kosongkan longkang (gotong royong) Kurangkan sisa plastik |
| 2. | Guna tanah (pembangunan baharu, medan perang terbiar) | Pemantauan |
| 3. | Penyelenggaraan (sistem saliran, cerun) | Kosongkan longkang |
| 4. | Pengetahuan | CDERT Pendidikan Pusat Sumber Komuniti Rangkaian dan struktur komuniti |
| 5. | Persediaan kecemasan | Pembangunan |
| 6. | Pemantauan Cerun | Perhatikan, laporkan tandatanda |
| 7. | Sistem Amaran Awal | Tidak semestinya berasaskan peralatan. Boleh berasaskan komuniti. |

Pilihan Muktamad Aktiviti DRR Komuniti

Dua aktiviti komuniti telah terpilih iaitu:

- a) **Ilmu Pengetahuan** : Latihan Tindak Balas Kecemasan Pertahanan Awam (CDERT)
- b) **Ilmu Pengetahuan**: Penubuhan Pusat Sumber Komuniti DRR.



H. SIMPOSIUM

Lokalisasi Tindakan DRR: Kerjasama Awam, Swasta, Akademik & Komuniti dalam Pengurangan Risiko Bencana (19 - 20 Oktober 2023)

Penjelasan:

Simposium selama satu hari setengah telah diadakan yang secara rasminya merumus dan berkongsi hasil dari usaha selama 5 tahun. Acara ini terbahagi kepada:

- a) Pembentangan utama dari IRIDeS; UPBN; ALPHA; UTM KL
- b) 4 sesi (pembentangan dan perbincangan panel)
- c) Penyerahan Projek kepada Kerajaan Negeri Selangor oleh pasukan SeDAR

Kehadiran: 134 (Hari 1) dan 102 (Hari 2)

Agensi Kerajaan Negeri Selangor

Sektor Swasta

Agensi Kerajaan Persekutuan

Institut, agensi dan badan Kerajaan - Jepun

Agensi dari negeri lain

Akademia

Ahli komuniti

Badan Bukan Kerajaan (NGO)

Pejabat Daerah dan Majlis Perbandaran

Sorotan Acara:

HARI 1 (19 OKTOBER 2023)

Pembentangan Utama

- a) ‘Pencapaian Program JPP SeDAR’ oleh IRIDeS, Tohoku University
- b) ‘CBDRR di Malaysia/ Inisiatif DRR oleh UPBN’ oleh Unit Pengurusan Bencana Negeri Selangor
- c) ‘Dari Tindak Balas Berasaskan Komuniti ke Pengurangan Berasaskan Komuniti’ oleh ALPHA (Akademi Latihan Pertahanan Awam)
- d) ‘Strategi Daya Tahan Tempatan di: Amalan Terbaik dan Agenda Prospektif’ oleh UTM Kuala Lumpur

Sesi 1, ‘Kepimpinan Komuniti’

1. PEMBENTANGAN

Pemimpin komuniti dan juara tempatan dari 4 kawasan projek telah membuat pembentangan tentang (1) sejarah bencana tempatan, (2) penjelasan tentang aktiviti DRR yang mereka laksanakan, (3) manfaat dari program SeDAR, dan (4) aktiviti yang akan dijalankan untuk meneruskan program tersebut.

Kg. Tok Muda & Mukim Kapar, Daerah Klang (Banjir)

Pembentangan oleh Md Jamaludin bin Ramlan dan Shamsuddin bin Liman



Perubahan dalam Komuniti hasil dari Program SeDAR:

- a) **Peningkatan ilmu** - ‘Peningkatan ilmu pengetahuan berkaitan pengurangan risiko bencana’ dan ‘Memahami punca bencana banjir,’
- b) **Perubahan cara pemikiran** - ‘Peningkatan kesedaran komuniti tentang kesiapsiagaan bencana banjir besar’

Rancangan Masa Depan dalam DRR:

- a) **Capaian** - Adalah menjadi harapan untuk melibatkan komuniti di luar Mukim Kapar dalam aktiviti DRR.
- b) **Sebarkan kesedaran DRR kepada masyarakat lain** - Ilmu pengetahuan yang berguna boleh membantu masyarakat di semua peringkat.
- c) **Kekalkan hubungan rapat dengan agensi kerajaan** - Adalah diharapkan perhubungan dengan pihak komuniti sentiasa terbuka. Bekerjasama dan bukan bertentangan.
- d) **Pembentangan** - Sokongan kewangan adalah perlu untuk membolehkan program seperti ini berterusan.

Kg. Sungai Serai & Mukim Hulu Langat, Daerah Hulu Langat (Banjir)

Pembentangan oleh Mohd Yusof bin Abd Manan dan Saadin bin Ahmad



Perubahan dalam Komuniti Hasil dari Program SeDAR:

- a) **Perubahan cara pemikiran** - ‘Membuka mata kami tentang kerjasama antara penduduk dengan pemimpin komuniti.’
- b) **Usaha bersama komuniti** - Seluruh ahli komuniti perlu bekerjasama dan komited (bukan hanya Ketua-ketua Kampung sahaja).
- c) **Perubahan sikap** - Mengajar ahli komuniti untuk bertindak dengan cara yang lebih sistematik dan tepat

Rancangan Masa Depan dalam DRR:

- a) **Pembelajaran yang berterusan** – Beroleh manfaat dari perkongsian ilmu dengan agensi kerajaan berhubung banjir dan bencana, dan berhasrat untuk meneruskannya.
- b) **Sokongan teknikal berterusan dari kerajaan** – Nasihat teknikal yang berterusan dari agensi kerajaan tentang DRR
- c) **Pembentangan berterusan dari kerajaan** – Berharap supaya pembentangan dari agensi kerajaan berterusan untuk menjalankan aktiviti DRR.

Batu 14 dan Mukim Hulu Langat (Tanah Runtuh)

Pembentangan oleh Noor Azam bin Mohammad Isa dan Amran bin Ahmad



Perubahan dalam Komuniti Hasil dari Program SeDAR:

- Perubahan Cara Pemikiran** – Pelaksanaan Program SeDAR bermula dengan tanggapan bahawa ianya melibatkan program DRR secara *ad-hoc* (seperti kebiasaan). Tetapi diakhirnya, ia telah memberi komuniti semangat bahawa inisiatif DRR ini adalah milik mereka.
- Lebih Peka dengan Persekutaran mereka** - Lebih menyedari perubahan landskap alam sekitar mereka, terutama sekali berkenaan dengan cerun.
- Mengeratkan kerjasama antara komuniti dengan pihak kerajaan** - kerjasama yang lebih mendalam dengan agensi kerajaan seperti APM, JPS, JKR, JMG dan Pejabat Daerah & Tanah Hulu Langat. Sebelum program SeDAR, tiada platform untuk mereka bekerjasama dengan agensi di peringkat sebegini.

Rancangan Masa Depan dalam DRR:

- Pembelajaran berterusan** – Meraih manfaat dari perkongsian ilmu dari agensi kerajaan berkaitan banjir dan bencana, serta berharap ia akan berterusan.
- Sokongan teknikal berterusan dari kerajaan** – Nasihat teknikal dari agensi kerajaan dalam aktiviti DRR akan berterusan.
- Pembiayaan kerajaan yang berterusan** – Berharap supaya pembiayaan yang berterusan dari agensi kerajaan untuk melaksanakan aktiviti DRR.

Ulu Klang, Daerah Gombak (Tanah Runtuh)

Pembentangan oleh Badrulisham bin Mohd Akhrin dan Nazli binti Idris



Perubahan dalam Komuniti Hasil dari Program SeDAR:

- Bangunkan modal insan dalam DRR
- Mendapat manfaat dari penggunaan data saintifik untuk menjelaskan risiko tanah runtuh

LAPORAN AKHIR
PROGRAM PERKONGSIAN SeDAR JICA

- c) Program SeDAR adalah satu platform untuk mendapat pendidikan dari pakar teknikal/kurangkan salah faham dikalangan penduduk
- d) Tubuhkan satu pusat DRR yang fizikal

Masa Depan Dalam DRR:

- a) **Perkongsian Ilmu dengan Sekolah dan sektor-sektor lain dalam Masyarakat** - kami boleh berkongsi ilmu dengan sekolah-sekolah, badan bukan kerajaan (NGO) dan lain-lain. Dengan bantuan dari pihak berkuasa tempatan, kami boleh membantu promosi dan tingkatkan kesedaran tentang SeDAR.
- b) **Menghubungkan perubahan cuaca dengan bencana** – Orang ramai perlu faham implikasi perubahan cuaca dengan bencana. Ianya satu kenyataan dan akan memberi kesan kepada kehidupan dan kerugian ekonomi di masa akan datang jika ianya tidak diurus dengan baik oleh pihak berkuasa dan disokong oleh ahli-ahli komuniti.

2. PERBINCANGAN PANEL - ‘Amalan CBDRR : Cabaran dan Masa Depan

Dikendalikan oleh: Dr. Khamarrul Azahari, UTM KL. Ahli-ahli panel: Pemimpin-pemimpin komuniti, APM Selangor, UPBN

- i. **Cabaran yang Dihadapi:** Ahli komuniti lebih suka menunggu sehingga terlambat untuk mengambil tindakan. Tetapi SeDAR telah mengubah tahap kesedaran komuniti untuk mengambil tindakan proaktif (APM)
- ii. **Harapan:** Komunikasi Risiko (terutama sekali yang menunjukkan peta risiko saintifik) adalah berkesan untuk menimbulkan kesedaran di kalangan komuniti untuk menyedari bahawa mereka tinggal dalam kawasan berisiko tinggi. Latihan persiapan untuk menghadapi bencana perlu dipertingkatkan dan sokongan kewangan adalah perlu untuk pembiayaan aktiviti-aktiviti ini.
- iii. **Membangun Budaya Berdaya Tahan:** UPBN diminta untuk membantu ketua-ketua kampung dan sukarelawan kampung untuk meneruskan usaha mereka, dengan memberi pembiayaan di masa depan.
- iv. **Aspirasi Masa Depan:** Memanjangkan pelaksanaan program ini ke sekolah-sekolah.

Sesi 2: INISIATIF DRR dan MASA DEPANNYA DI MALAYSIA

- 1. **PEMBENTANGAN - ‘Sistem Pengurusan Bencana NADMA di Malaysia’** oleh Agensi Pengurusan Bencana Kebangsaan (NADMA)
- 2. **PERBINCANGAN PANEL- ‘Pengalaman DRR di Malaysia dan Pengajaran’**

Dikendalikan oleh. Prof. Madya Dr. Shohei Matsuura, Institut Penyelidikan Nasional bagi Sains Bumi dan Daya Tahan Bencana (NIED). Ahli-ahli Panel: Ibu Pejabat APM, UPBN dan Pejabat Setiausaha Kerajaan (SUK) Pulau Pinang, Sarawak dan Kelantan.

HARI 2 (20 OKTOBER 2023)

Sesi 3: SAINS DAN TEKNOLOGI DALAM DRR

- 1. **PEMBENTANGAN - ‘Peranan Sains dan Teknologi dalam Membina Daya Tahan Bencana di Jepun’** oleh NIED
- 2. **PERBINCANGAN PANEL - ‘Penggunaan Sains dan Teknologi dalam CBDRR di Malaysia’**

Dikendalikan oleh Prof. Takako Izumi, IRIDeS. Ahli-ahli Panel: JMG Selangor; UTM KL, NAHRIM, NIED dan Dr. Nik & Associates


LAPORAN AKHIR
PROGRAM PERKONGSIAN SeDAR JICA

Sesi 4: CADANGAN POLISI DAN PENYERAHAN PROJEK

1. **PEMBENTANGAN - ‘Taklimat dan Cadangan Polisi’** oleh Prof. Takako Izumi, IRIDeS
2. **PENYERAHAN PROJEK KEPADA KERAJAAN NEGERI SELANGOR: Penyerahan plak daripada Prof. Takako Izumi kepada YB Mohd Najwan bin Halimi, Ahli Majlis Mesyuarat Negeri Selangor dan Pengerusi Jawatankuasa Bencana Negeri.**

Liputan Media

Keratan media tentang Program JPP SeDAR dan pencapaianannya di 5 media dan 7 artikel.



Agenda Acara:

HARI 1

| MASA | TEMPOH | AGENDA | AKTIVITI |
|------------|--------|------------------|---|
| 8:30 pagi | 60 min | Pendaftaran | Ketibaan peserta dan pendaftaran |
| 9:30 pagi | 10 min | Bacaan Doa | Pembacaan Doa Selamat |
| | | Ucapan Alu-aluan | Timbalan Setiausaha, Bahagian Perkhidmatan Pengurusan, Kerajaan Negeri Selangor |
| | | Ucapan | Wakil Kanan, Japan International Cooperation Agency (JICA) |
| 9:40 pagi | 10 min | | Gambar Berkumpulan |
| 9:50 pagi | 10 min | | Tayangan Video Program oleh JPP SeDAR |
| 10:00 pagi | 50 min | | Pembentangan Utama ‘Pencapaian Program JPP SeDAR’ oleh: Institut Kajian Antarabangsa Tentang Sains Bencana (IRIDeS), Universiti Tohoku ‘CBDRR di Malaysia / Inisiatif DRR UPBN’ oleh: Unit Pengurusan Bencana Negeri Selangor ‘Dari Tindak Balas Berasaskan Komuniti ke Pengurangan Berasaskan Komuniti oleh: Akademi Latihan Pertahanan Awam (ALPHA) ‘Strategi Daya Tahan Bencana Tempatan di Malaysia: Amalan Terbaik’ oleh: |

LAPORAN AKHIR
PROGRAM PERKONGSIAN SeDAR JICA

| MASA | TEMPOH | AGENDA | AKTIVITI |
|------------------------------------|--------|----------------------|--|
| | | | Pusat Pencegahan dan Kesiapsiagaan Bencana (DPPC), Universiti Teknologi Malaysia (UTM) Kuala Lumpur |
| 10:50 am | 20 min | Rehat | |
| SESI 1: KEPIMPINAN KOMUNITI | | | |
| 11:10 pagi | 20 min | Pembentangan | Pembentangan DRR Komuniti Pembentangan oleh: Juara Tempatan/Ketua Kampung, Mukim Pekan Kapar, Daerah Klang |
| 11:30 am pagi | 20 min | Pembentangan | Pembentangan DRR Komuniti Pembentangan oleh: Juara Tempatan/Ketua Kg. Sungai Serai, Daerah Hulu Langat |
| 11:50 pagi | 20 min | Pembentangan | Pembentangan DRR Komuniti Pembentangan oleh: Juara Tempatan/Ketua Kg. Batu 14, Daerah Hulu Langat |
| 12:10 tengah hari | 20 min | Pembentangan | Pembentangan DRR Komuniti Pembentangan oleh: Juara Tempatan/Ketua Taman Ulu Klang, Daerah Gombak |
| 12:30 tengah hari | 10 min | Penyampaian Sijil | Penyampaian Sijil Penghargaan dan Pengiktirafan kepada ketua-ketua kampung dan juara tempatan. |
| 12:40 tengah hari | | Rehat | Makan tengah hari |
| 2:15 petang | 45 min | Perbincangan Panel 1 | 'Amalan CBDRR: Cabaran dan Masa Depan' Dikendalikan oleh: DPPC, UTM KL Ahli-ahli panel: Juara tempatan/ ketua-ketua kampung, Penyelaras SeDAR, APM Selangor, UPBN |

| SESI 2: INISIATIF DRR DAN MASA DEPANNYA DI MALAYSIA | | | |
|--|--------|----------------------|---|
| 3:00 petang | 20 min | Pembentangan | 'Sistem Pengurusan Bencana NADMA di Malaysia' oleh: Agenzia Pengurusan Bencana Kebangsaan (NADMA) |
| 3:20 petang | 15 min | Rehat | |
| 3:35 petang | 45 min | Perbincangan Panel 2 | 'Pengalaman DRR di Malaysia dan Pengajaran' Dikendalikan oleh: NIED Ahli-ahli panel: APM Ibu Pejabat, UPBN dan Pejabat SUK Pulau Pinang, Sarawak dan Kelantan |
| 4:20 petang | | Program Tamat Hari 1 | |

HARI 2

| MASA | TEMPOH | AGENDA | AKTIVITI |
|--|--------|--------------|--|
| 8:30 pagi | 60 min | Pendaftaran | Ketibaan peserta dan pendaftaran |
| 9.30 pagi | 10 min | Taklimat | Taklimat Agenda Hari ke 2 |
| SESI 3: SAINS DAN TEKNOLOGI DALAM DRR | | | |
| 9:40 pagi | 15 min | Pembentangan | 'Peranan Sains dan Teknologi dalam Membangunkan Daya Tahan Bencana di Jepun' |

LAPORAN AKHIR
PROGRAM PERKONGSIAN SeDAR JICA

| MASA | TEMPOH | AGENDA | AKTIVITI |
|--|--------|---------------------------|---|
| | | | oleh: Institut Penyelidikan Nasional bagi Sains Bumi dan Daya Tahan Bencana (NIED) |
| 9:55 pagi | 40 min | Perbincangan Panel 3 | 'Penggunaan Sains dan Teknologi dalam CBDRR di Malaysia' Dikendalikan oleh: IRIDeS Ahli-ahli Panel: Jabatan Mineral & Geosains, Institut Kajian Air Kebangsaan Malaysia (NAHRIM), Dr Nik & Associates, dan NIED |
| 10:35 pagi | 15 min | Rehat | |
| SESI 4: CADANGAN POLISI DAN PENYERAHAN PROJEK | | | |
| 10:50 pagi | 10 min | Cadangan Polisi | 'Cadangan Polisi dan Taklimat dari Program SeDAR' oleh IRIDeS |
| 11.00 pagi | 30 min | Maju ke Hadapan dalam DRR | Perbincangan Terbuka Dikendalikan oleh: DPPC UTM |
| 11.30 pagi | 10 min | Upacara Penyerahan Projek | Penyerahan Projek kepada Kerajaan Negeri Selangor Serahan dibuat kepada : YB Tuan Mohd Najwan bin Halimi, Ahli Majlis Mesyuarat Negeri Selangor Serahan dibuat oleh: Rakan-rakan Projek SeDAR |
| 11.40 pagi | 10 min | Ucapan | Kata-kata Penutup oleh YB Tuan Mohd Najwan bin Halimi |
| 11.50 pagi | | Program Tamat | Untuk peserta simposium |
| 11.50 pagi | 30 min | Sidang Akhbar | Untuk peserta media |
| 12.20 tengah hari | | Sidang Akhbar Tamat | |



4 Aktiviti CBDRR di Empat Kawasan Projek

4.1 Ulu Klang, Daerah Gombak

Dua aktiviti dilaksanakan untuk kawasan projek ini: (1) Latihan Tindak Balas Kecemasan Pertahanan Awam (CDERT) dan (2) Penubuhan Pusat Sumber Komuniti DRR.

1. Latihan Tindak Balas Kecemasan Pertahanan Awam (CDERT) (25 Jun 2023)

Penjelasan: Bengkel setengah hari tentang latihan tindak balas kecemasan untuk ahli-ahli komuniti. Memandangkan mereka tinggal di kawasan berisiko tanah runtuh, ahli-ahli komuniti ingin mendapat pengetahuan berkaitan kaedah untuk bertindak balas semasa bencana tanah runtuh.

Kehadiran: 41

Komuniti Ulu Klang
Angkatan Pertahanan Awam Malaysia (penceramah)
Unit Pengurusan Bencana Negeri Selangor (UPBN)

Sorotan Acara:

Latihan ini dikendalikan oleh Angkatan Pertahanan Awam Malaysia (APM) Gombak.

- c) Modul Pengenalan Angkatan Pertahanan Awam Malaysia
- d) Pertolongan Cemas Asas: sistem peredaran darah dan lapisan epidermis (kulit), mengenal pasti kejutan akibat kehilangan darah, jenis-jenis luka, tercekik dan kesukaran bernafas.
- e) Ringkasan Pengurusan Pusat Pemindahan Sementara: operasi sesebuah pusat, peranan agensi, pemasangan, penyediaan makanan, kaunseling, keselamatan dan kemudahan.
- f) Asas Menyelamat Kecemasan: cara-cara memindah dan mengangkat mangsa dalam pelbagai senario.
- g) Asas Melawan Kebakaran: punca dan jenis kebakaran, pergerakan dan penyebaran haba panas dan api, cara-cara memadamkan api berdasarkan bahan, latihan amali.



Modul yang dipilih untuk komuniti Ulu Klang (dalam bulatan merah)

Keseluruhan sesi meliputi gabungan teori, nasihat, demonstrasi dan latihan amal.

LAPORAN AKHIR PROGRAM PERKONGSIAN SeDAR JICA

Hasil: Aktiviti ini meninggalkan kesan yang hebat dalam mengubah cara pemikiran ahli komuniti ke arah yang lebih baik. Mereka belajar beberapa kemahiran penting untuk bertindak dalam keadaan kecemasan dan bagaimana ahli komuniti boleh membantu satu sama lain semasa bencana.



2. Penubuhan Pusat Sumber Komuniti DRR

Penjelasan: Penduduk Ulu Klang memerlukan satu pusat untuk membolehkan mereka mendapat maklumat dan sumber berkaitan DRR, tanah runtuhan dan alam sekitar. Maka, konsep sebuah Pusat Sumber Komuniti DRR telah terbentuk, direka cipta, ditubuhkan dan kini diselenggarakan sepenuhnya oleh ahli komuniti. Pusat Sumber tersebut mempunyai ciri-ciri sebuah galeri dengan poster yang dipenuhi dengan maklumat dan berwarna-warni, model rupa bumi 3D Ulu Klang, pameran pandang dengar (audio visual), perpustakaan mini yang lengkap dengan buku-buku dan risalah sebagai sumber maklumat, dan bahan-bahan pameran.

Keterangan Berkenaan Pusat:

Pusat tersebut sebelum ini merupakan sebuah dewan komuniti majlis perbandaran yang telah disumbangkan kepada SeDAR dan komuniti Ulu Klang dengan bertujuan untuk membangunkan satu pusat pendidikan tentang DRR. Bahan-bahan sumber seperti poster dan peta berkaitan maklumat saintifik telah disumbangkan agensi teknikal kerajaan. Jelas sekali ia merupakan satu usaha sama antara kerajaan, komuniti dan agensi teknikal kerajaan.

Jawatankuasa Pusat Sumber juga ditubuhkan dan dianggotai oleh 17 ahli yang giat menubuhkan Pusat tersebut dengan panduan dari SeDAR.

LAPORAN AKHIR
PROGRAM PERKONGSIAN SeDAR JICA

Pusat Sumber tersebut telah diserahkan oleh SeDAR kepada komuniti Ulu Klang pada Februari 2024 dan kini diuruskan sepenuhnya oleh sukarelawan komuniti.

Misi Pusat Sumber Komuniti DRR adalah:

- a) Menyediakan ruang komuniti untuk pembelajaran tentang persekitaran fizikal dalam komuniti
- b) Membangunkan kapasiti tempatan menerusi latihan
- c) Menyediakan bahan dan sumber berdasarkan sains
- d) Menyediakan tempat untuk perbincangan dan dialog antara agensi teknikal kerajaan dengan komuniti



Pelancaran Rasmi

Pusat tersebut dilancarkan pada 4 Februari 2024 dan dihadiri oleh 66 orang. Kehadiran termasuk:

Majlis Perbandaran Ampang Jaya (MPAJ)
Pejabat Daerah dan Tanah Gombak (PDT Gombak)
Angkatan Pertahanan Awam Malaysia (APM)
Jabatan Mineral dan Geosains (JMG)
Selangor

Jabatan Kerja Raya (JKR)
Polis Diraja Malaysia (PDRM)
Jabatan Bomba dan Keselamatan (BOMBA)
Jabatan Pendidikan Negeri (JPN) Selangor
Unit Pengurusan Bencana Negeri (UPBN)
Selangor
Universiti Teknologi Malaysia (UTM)

Hasil: Ia merupakan satu legasi dan pameran fizikal kepada segala ilmu yang diperoleh dari program SeDAR. Ianya dikendalikan dan diuruskan sepenuhnya oleh sukarelawan komuniti, serta pasukan pemandu pelancong yang akan membawa pelawat sekitar galeri Pusat tersebut.

LAPORAN AKHIR
PROGRAM PERKONGSIAN SeDAR JICA



4.2 Kg. Batu 14 & Mukim Hulu Langat, Daerah Hulu Langat

Dua aktiviti bagi kawasan projek ini: (1) Bengkel Pemantauan Cerun Komuniti dan (2) DRR Untuk murid sekolah

1. Bengkel Pemantauan Cerun Komuniti (9 Julai 2023)

Penjelasan: Bengkel satu hari telah diadakan untuk mengajar ahli komuniti cara-cara memantau cerun, pemeriksaan dengan mata kasar dan tanda amaran awal tanah runtuh. Memandangkan tiada sistem amaran awal untuk tanah runtuh yang dipasang di kawasan projek ini, ahli komuniti diajar tentang cara pemeriksaan dengan mata kasar untuk tanda-tanda yang penting dalam mengesan kemungkinan berlakunya tanah runtuh.

Kehadiran: 57

Komuniti Mukim Hulu Langat
Jabatan Kerja Raya (JKR)
Jabatan Mineral & Geosains (JMG)
Angkatan Pertahanan Awam Malaysia
(APM)

Unit Pengurusan Bencana Negeri (UPBN)
Selangor
Universiti Teknologi Malaysia (UTM)

Sorotan Acara:

Bengkel ini terdiri daripada beberapa siri ceramah di sebelah pagi, diikuti dengan pemeriksaan tapak di sebelah petang.

Sesi Pagi

JMG telah berkongsi pengetahuan asas berkaitan geologi kawasan Hulu Langat dan punca ia terdedah pada bencana tanah runtuh.

JKR pula memberi penjelasan kejuruteraan/geoteknikal tentang punca tanah runtuh dan pengetahuan asas tentang cerun.

Sesi Petang

Para peserta dibahagikan kepada 2 kumpulan dan dibawa ke 2 kawasan di Kg Batu 14 untuk membuat pemeriksaan dengan mata kasar. Perhatian yang dibuat semasa lawatan tapak adalah seperti berikut:

- Tapak 1: Lebuh raya EKVE - Banjir kilat sering berlaku di kawasan yang terdapat banyak rumah persendirian dan sekolah agama.
- Tapak 2: Bekas Tapak Rumah Anak Yatim di mana berlakunya tanah runtuh 2011 – Jurutera JMG telah memberi penjelasan bagaimana pemotongan cerun yang dibuat tanpa menggunakan kemahiran kejuruteraan menjadi punca tanah runtuh yang mengorbankan seramai 16 orang kanak-kanak dan guru.

Sekembalinya mereka dari lawatan tapak, seorang wakil dari setiap kumpulan membentangkan dapatan mereka dan membuat perbincangan bersama dengan kedua-dua agensi yang hadir.

- Para peserta dari setiap kumpulan menunjukkan hasil pemerhatian mereka dan menjelaskan punca dan sifat masalah tersebut.
- Para peserta membuat kesimpulan dengan menyatakan bahawa sesi seumpama ini amat berguna untuk meningkatkan kesedaran mereka tentang tanda yang boleh mengelak terjadinya tanah runtuh.

LAPORAN AKHIR
PROGRAM PERKONGSIAN SeDAR JICA

Hasil: Pemeriksaan dengan mata kasar yang kerap dan pemantauan cerun sebagai satu bentuk amaran awal untuk mengelak berlakunya tanah runtuh adalah satu aktiviti yang boleh dijalankan oleh komuniti tanpa bergantung sepenuhnya kepada tindakan daripada kerajaan tempatan.



2. DRR untuk Murid Sekolah – (1) Bengkel DRR (23 September 2023) dan (2) Reka bentuk, Cetak dan Pasang Poster Mural DRR (4 April 2024)

Dua aktiviti telah dilaksanakan untuk kawasan projek ini: (1) Bengkel DRR untuk Murid Sekolah dan (2) Reka bentuk, Cetak dan Pasang Poster Mural DRR

Aktiviti 1: Bengkel DRR

Penjelasan: Satu bengkel DRR untuk murid sekolah telah diadakan di Sekolah Menengah Kebangsaan Abdul Jalil bagi memperkenal dan mengajar konsep DRR kepada pelajar sekolah menengah. Maklumbalas amat positif dan program DRR seperti ini adalah perlu terutama sekali di kawasan yang sering dilanda bencana tanah runtuh dan banjir.



Kehadiran: 424

Pelajar-pelajar Tingkatan 3, 4 dan 3 (berusia 15, 16, dan 17 tahun)

Guru-guru

Persatuan Ibubapa dan Guru

Jabatan Mineral dan Geosains (JMG)

Selangor

Angkatan Pertahanan Awam Malaysia (APM) Hulu Langat

Unit Pengurusan Bencana Negeri (UPBN) Selangor

Sorotan Aktiviti:

Format bengkel adalah gabungan di antara pembentangan/ceramah dan aktiviti/permainan amali. Ceramah mestilah pendek dan padat sementara aktivitinya haruslah mendapat minat dan interaksi daripada pelajar.

Tajuk-tajuk Pembentangan:

- ‘Memahami Tanah Runtuh dan Banjir’ oleh JMG Selangor
- ‘Konsep Pengurangan Risiko Bencana (DRR)’ oleh pasukan SeDAR
- ‘Siapsiaga dan Tindak Balas’ oleh APM Hulu Langat

Aktiviti amalnya ialah ‘Permainan Siap Sedia Untuk Pergi’ yang melibatkan pertandingan di antara kumpulan-kumpulan pelajar untuk menyediakan beg kecemasan, di mana aktiviti ini dikendalikan oleh APM Hulu Langat

LAPORAN AKHIR PROGRAM PERKONGSIAN SeDAR JICA

Hasil: Pelajar-pelajar sekolah dibekalkan dengan pengetahuan DRR dan apa yang perlu mereka lakukan sebagai persediaan untuk bencana di masa akan datang. Jabatan Pendidikan Negeri telah menunjukkan minat yang mendalam untuk melaksanakan program yang sama di sekolah-sekolah lain di Daerah Hulu Langat.

Aktiviti 2: Reka bentuk, Cetak dan Pasang Poster Mural DRR

Penjelasan: Satu acara penyerahan telah diadakan untuk menyerah poster mural tersebut kepada pengetua sekolah menengah tersebut. Turut hadir ialah wakil dari UPBN, JMG, APM dan Majlis Perbandaran Kajang. Poster mural DRR untuk pelajar-pelajar sekolah tersebut merupakan poster dinding yang berukuran 7 meter x 1.8 meter dan meliputi dinding di salah satu laluan di premis Sekolah Menengah Abdul Jalil di Kg Batu 14, Hulu Langat. Poster tersebut terbahagi kepada 3 bahagian: (1) bahaya bertukar menjadi bencana kerana kerentanan yang tinggi dan kapasiti yang rendah (2) cara-cara mengurangkan kerentanan dan tingkatkan kapasiti, dan (3) tindakan DRR yang boleh diambil oleh murid.



Hasil: Poster mural tersebut menjadi bahan pameran di salah satu laluan pejalan kaki di sekolah tersebut dimana laluan tersebut telah dijadikan sebagai ‘Koridor Alam Sekitar’ yang akan memaparkan bahan dan sumber yang bertemakan alam sekitar.



4.3 Kg. Tok Muda & Mukim Kapar, Daerah Klang

Tiga aktiviti terpilih untuk kawasan projek ini: (1) latih amal pemindahan komuniti, (2) penghasilan dan penyebaran bahan-bahan perkongsian maklumat, dan (3) majlis penyerahan bahan perkongsian maklumat kepada komuniti.

1. Latih Amal Pemindahan Komuniti (13 & 16 September 2023)

Penjelasan: Acara selama dua hari telah diadakan untuk komuniti (1) membiasakan diri dengan prosedur latih amal pemindahan komuniti dan (2) memastikan sama ada siren banjir boleh didengari di kawasan komuniti. Walaupun Kapar dan kawasan persekitarannya terdedah kepada banjir pantai, banjir sungai dan banjir kilat, komuniti di kawasan tersebut tidak pernah menjalani latih amal atau aktiviti DRR sebelum ini. Oleh itu, latih amal pemindahan perlu diadakan untuk kawasan projek ini.

Kehadiran: 55

- Ahli komuniti dalam Mukim Kapar
- Ketua kampung
- Badan Bukan Kerajaan (NGO) tindak balas bencana

Sorotan Acara:

Taklimat dan Orientasi Sebelum Latih Amal (13 September)

Taklimat dan orientasi tentang:

- a) aktiviti semasa latih amal yang akan berlangsung
- b) penjelasan tentang siren yang akan dibunyikan
- c) tindakan yang perlu diambil
- d) penerangan tentang logistik pada hari latih amal

Latih Amal Pemindahan (19 September)

- a) Pelaksanaan latih amal – meninggalkan rumah masing-masing untuk ke pusat pemindahan
- b) Pendaftaran
- c) Menyertai Sesi Maklum Balas yang dijalankan oleh pasukan SeDAR

Sesi Maklum Balas

- a) Sejauh mana bunyi siren banjir kedengaran - bunyi siren banjir hanya kedengaran sejauh 500 meter sahaja, sementara pengumuman masjid boleh didengari sejauh satu kilometer.
- b) Ketibaan di pusat pemindahan - Kebanyakan peserta tiba dengan kenderaan (67%) tetapi bukan dengan berjalan kaki (33%). Majoriti dari peserta (74%) datang terus dari rumah masing-masing.
- c) Pengalaman Banjir - Sebilangan besar (93%) dari para peserta telah mengalami banjir sebelum itu.
- d) Amaran banjir dan siren – Kebanyakan peserta (83%) tidak pernah mendengar bunyi siren dan 35% berkata bahawa mereka menerima amaran daripada pemimpin komuniti (yang lainnya adalah melalui pelbagai sumber dan media)
- e) Lokasi pusat pemindahan – Majoriti mengatakan bahawa mereka tahu di mana letaknya pusat pemindahan sebelum latih amal tersebut (besar kemungkinan kerana para peserta telah menghadiri taklimat latih amal tersebut beberapa hari sebelum itu).

LAPORAN AKHIR
PROGRAM PERKONGSIAN SeDAR JICA

- f) Lokasi yang mungkin berbahaya di sepanjang laluan pemindahan – ramai yang mengenal pasti longkang terdedah yang boleh menyebabkan mereka terjatuh dan dihanyutkan air yang deras.
- g) Halangan dan cabaran yang mungkin dihadapi dalam keadaan banjir sebenar – jalan yang tidak boleh dilalui kerana air yang deras, sampah yang terapung dan kabel elektrik yang masih aktif ditenggelami air banjir, arus yang terlalu deras untuk diharungi.
- h) Pengetahuan tentang proses pemindahan banjir – Sebelum latih amal, 70% menyatakan bahawa mereka hanya tahu sedikit atau hampir tidak tahu langsung tentang proses pemindahan.

Hasil: (1) Kerjasama di antara ahli komuniti dan agensi kerajaan menjadi lebih kukuh, (2) ketua komuniti menyedari bahawa mereka boleh menjalankan latih amal mereka sendiri tanpa menunggu tindakan dari pihak kerajaan, dan (3) ahli komuniti menyedari tentang keperluan kumpulan yang rentan semasa proses latih amal tersebut.



2. Penerbitan dan Pengedaran Bahan-bahan Perkongsian Maklumat: (1) Lokasi Pusat Pemindahan & (2) Prosedur Sistem Amaran Awam

Penjelasan: Poster dan magnet peti sejuk yang menunjukkan nama dan lokasi pusat pemindahan di kampung dan prosedur sistem amaran awam telah dihasilkan.

Ramai penduduk Kapar tidak tahu atau teragak-agak tentang lokasi pusat pemindahan dalam komuniti mereka. Mereka juga tidak tahu tentang langkah yang perlu diambil apabila mendengar siren atau amaran yang dikeluarkan.

Prosedur amaran awam untuk komuniti tidak ditetapkan dengan rasminya oleh pihak kerajaan. Oleh itu, dengan kerjasama di antara penghulu, pemimpin komuniti, pejabat daerah, dan Jabatan Pengairan dan Saliran, langkah boleh dikenal pasti. Lokasi pusat pemindahan juga boleh ditetapkan dan disahkan dengan bantuan agensi. Poster ini dinaikkan di tempat awam seperti dewan komuniti, sekolah dan masjid.

Penerbitan Poster, Magnet Peti Sejuk dan Papan Tanda

Poster dan Magnet Peti Sejuk serta Prosedur Sistem Amaran Awam



Contoh poster lokasi pusat pemindahan bersaiz A0 dan A1

Penerbitan: 6 poster yang direka bentuk untuk kampung-kampung di Mukim Kapar yang menunjukkan lokasi pusat pemindahan di setiap kampung. Sejumlah 150 poster diterbitkan untuk Mukim Kapar, dengan setiap kampung diberi 5 poster bersaiz A0 dan 20 poster bersaiz A1.

LAPORAN AKHIR PROGRAM PERKONGSIAN SeDAR JICA

Di samping itu, isi kandungan poster tersebut turut dicetak di atas magnet peti sejuk bersaiz A5, untuk diletak di tempat yang mudah dilihat di dalam rumah penduduk, seperti di pintu peti sejuk. Poster mini bermagnet ini akan memastikan agar maklumat yang dicetak tidak mudah hilang.



Magnet peti sejuk bersaiz A5 untuk diletak di rumah penduduk yang terkesan

Hasil: 6 reka bentuk magnet peti sejuk dicetak untuk kampung di Kapar. Secara keseluruhan, 1,200 keping telah dicetak untuk Kapar, di mana setiap kampung mendapat magnet peti sejuk untuk 100 buah rumah.

Papan Tanda Pusat Pemindahan

Penjelasan: Papan tanda pusat pemindahan berukuran 2 kaki x 3 kaki telah direka bentuk, dicetak dan diedarkan untuk dipasang di pusat pemindahan. Ramai ahli komuniti di Mukim Kapar tidak tahu lokasi pusat pemindahan di kawasan mereka.

Papan tanda ini direka bentuk dengan kerjasama ketua kampung yang memberikan pendapat mereka. Papan tanda tersebut disemak dan disahkan oleh agensi yang memiliki/mengurus premis pusat pemindahan seperti Pejabat Daerah dan Tanah Klang, Majlis Perbandaran Klang, Jabatan Pendidikan Negeri Selangor, dan Jabatan Agama Islam Selangor. Papan tanda ini juga mendapat pengesahan dari Agensi Pengurusan Bencana Negara (NADMA).



Hasil: Sejumlah 21 papan tanda telah diedarkan untuk semua pusat pemindahan di Mukim Kapar.

LAPORAN AKHIR
PROGRAM PERKONGSIAN SeDAR JICA

Pengedaran Poster dan Magnet Peti Sejuk

Majlis Penyerahan Poster dan Magnet Peti Sejuk kepada Komuniti (17 Disember 2023)

Penjelasan:

Penyerahan rasmi bahan-bahan perkongsian maklumat (poster dan magnet peti sejuk) kepada setiap ketua kampung telah diadakan. Dengan itu berakhirlah aktiviti DRR di bawah SeDAR di kawasan projek ini.

Kehadiran: 87

Wakil dari Ahli Parlimen (Kapar)
Penghulu Mukim Kapar
Ketua kampung dari 6 kampung di Mukim Kapar dan ahli majlis
Penduduk dari taman-taman perumahan
Pejabat Daerah dan Tanah (PDT) Klang
Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) Selangor
Majlis Perbandaran Klang (MPK)

Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS)
Pejabat Agama Islam Daerah (PAID)
Jabatan Pendidik Negeri (JPN) Selangor
Pejabat Pendidikan Daerah (PPD) Klang
Jabatan Kebajikan Malaysia (JKM) Selangor
Angkatan Pertahanan Awam Malaysia (APM)
Unit Pengurusan Bencana Negeri (UPBN) Selangor
Universiti Teknologi Malaysia (UTM)

Sorotan Acara:

Taklimat tentang (1) sistem amaran awal di Mukim Kapar, (2) tindakan yang perlu diambil oleh ahli komuniti apabila siren dibunyikan, dan (3) persiapan untuk pemindahan.

Sijil Penghargaan telah diberi kepada agensi yang mengambil bahagian dan yang memberi sokongan kepada program SeDAR.

Penyerahan rasmi Poster Lokasi PPS dan Magnet Peti Sejuk oleh Prof. Izumi kepada setiap ketua kampung.



4.4 Kg. Sungai Serai & Mukim Hulu Langat, Daerah Hulu Langat

Tiga aktiviti dilaksanakan untuk kawasan projek ini : (1) Plogging, (2) Latih Amal Pemindahan Komuniti, dan (3) Penerbitan dan pengedaran bahan perkongsian informasi.

1. Plogging: Gotong Royong Membersih Sampah bagi Mengelakkan Banjir Kilat (2 September 2023)

Penjelasan: Aktiviti hari keluarga sepanjang hari yang melibatkan kuiz, permainan interaktif, dan aktiviti fizikal ringan untuk memberi penerangan tentang tindakan DRR seperti ‘plogging’ yang boleh membantu mengurangkan bencana banjir kilat disebabkan oleh pembuangan sampah dan longkang tersumbat.

Kehadiran: 117

| | |
|--------------------------|---------------------------------------|
| Pelajar | Unit Pengurusan Bencana Negeri (UPBN) |
| Ibu Bapa | Selangor |
| Ketua-ketua kampung | Angkatan Pertahanan Awam Malaysia |
| Guru besar dan guru-guru | (APM) |

Sorotan Acara:

Aktiviti luar ‘Plogging’ telah dikendalikan oleh APM, UPBN, Ahli Jawatankuasa Kg. Sg. Serai dan pasukan SeDAR.

Taklimat Tentang Pengurangan Risiko Bencana dan Kuiz Pop telah dikendalikan oleh Pasukan SeDAR.

Penyampaian Hadiah untuk kumpulan yang mengutip sampah yang paling banyak.

Memandangkan ia adalah acara yang bertemakan keluarga, ia menarik minat ramai keluarga untuk mengambil bahagian dalam aktiviti plogging ini. Mereka juga menunjukkan minat untuk mempelajari tentang DRR kerana ianya satu konsep yang baru bagi mereka dan membawa manfaat kepada mereka kerana mereka tinggal di kawasan yang selalu banjir.

Taklimat tentang DRR yang interaktif diterima baik oleh para peserta. Pelajar dan ibu bapa seronok mengambil bahagian dalam sesi soal jawab. Ia menguji pengetahuan yang diperoleh daripada sesi taklimat. Secara keseluruhannya, para peserta memahami taklimat DRR yang diberikan dan dapat menjawab soalan dengan baik.

Hasil: Para peserta belajar nilai penjagaan sistem perparitan dan pembersihan sampah untuk mengelak banjir kilat.



2. Latih Amal Pemindahan Komuniti (18 - 19 November 2023)

Penjelasan: Acara selama dua hari telah diadakan untuk ahli komuniti (1) membiasakan diri dengan prosedur latih amal pemindahan komuniti dan (2) memastikan siren banjir boleh didengar di sekitar kawasan komuniti. Tidak seperti di Kapar, komuniti di Mukim Hulu Langat pernah menjalani latih amal tetapi ianya lebih tertumpu kepada latih amal tindak balas kerajaan. Oleh itu, latih amal pemindahan komuniti dilaksanakan buat pertama kalinya bagi Mukim Hulu Langat.

Kehadiran: 125

- Ahli komuniti
- Ketua kampung
- Badan Bukan Kerajaan (NGO) tempatan bagi tindak balas bencana
- Angkatan Pertahanan Awam Malaysia (APM)
- Unit Pengurusan Bencana Negeri (UPBN) Selangor

Sorotan Acara:

Taklimat dan Orientasi Sebelum Latih Amal (18 November 2023)

Taklimat dan orientasi tentang:

- a) aktiviti yang akan berlangsung semasa latih amal
- b) Penjelasan tentang siren yang akan dibunyikan
- c) Langkah-langkah yang perlu diambil
- d) Keterangan tentang logistik pada hari latih amal.

Latih Amal Pemindahan Komuniti (19 November 2023)

- a) Pelaksanaan latih amal - peserta meninggalkan rumah masing-masing untuk pergi ke pusat pemindahan
- b) Pendaftaran
- c) Mengambil bahagian dalam Sesi Maklum Balas yang dijalankan oleh Pasukan SeDAR.

Sesi Maklum Balas

- a) Dapatan tentang siren banjir - Didapati bahawa siren banjir dan juga pengumuman dari masjid **tidak kedengaran dengan jelas** oleh para peserta latih amal.
- b) Ketibaan di pusat pemindahan - Kebanyakan peserta berjalan kaki (97%). Kebanyakannya (98%) datang terus dari rumah masing-masing.
- c) Pengalaman Banjir – Hampir semua peserta (99%) pernah mengalami bencana banjir.
- d) Siren dan amaran banjir – Kebanyakan peserta (92%) tidak pernah mendengar bunyi siren dan 14% berkata bahawa mereka hanya tahu banjir melanda apabila air masuk ke rumah mereka, 18% berkata mereka memerhatikan sendiri sungai dan longkang, 12% berkata menerusi media sosial seperti WhatsApp, 4% berkata jiran memberitahu mereka dan 1% berkata pasukan penyelamat kecemasan datang ke rumah mereka.
- e) Lokasi pusat pemindahan – lima puluh peratus (50%) daripada peserta berkata bahawa mereka tidak tahu lokasi pusat pemindahan sebelum latih amal tersebut.
- f) Lokasi-lokasi yang boleh mendatangkan bahaya di sepanjang laluan pemindahan – Ramai peserta kenal pasti longkang terbuka yang boleh menghanyutkan mangsa dalam arus deras jika terjatuh ke dalamnya

LAPORAN AKHIR
PROGRAM PERKONGSIAN SeDAR JICA

- g) Banyak potensi halangan atau cabaran dalam keadaan banjir sebenar – Ada yang enggan berpindah kerana bimbang kehilangan barang berharga, sampah yang terapung, arus deras yang menyukarkan, kurang sokongan untuk membantu warga emas, orang kurang upaya fizikal atau anak-anak kecil.
- h) Pengetahuan tentang proses pemindahan – Sebelum menjalani latih amal ini, 90% menyatakan tidak banyak yang mereka tahu tentang proses pemindahan atau tidak tahu langsung.
- i) Penduduk yang perlukan bantuan - Keluarga yang mempunyai ahli keluarga yang kurang upaya atau warga emas melaporkan bahawa mereka menghadapi kesukaran untuk berpindah dan memerlukan bantuan.
- j) Perlindungan Harta Benda dan Aset - Di samping itu, semasa keadaan banjir sebenar, ramai mangsa lebih mengutamakan untuk membawa kenderaan mereka ke tempat yang lebih tinggi sebelum air naik.
- k) Keengganan Berpindah - Ada juga ahli komuniti yang akan berpindah hanya apabila banjir tidak dapat dielak.
- l) Pada keseluruhannya, ahli komuniti menunjukkan mereka bersungguh dan meminat dalam melibatkan diri kerana mereka pernah mengalami bencana banjir.

Hasil: Semua ahli komuniti yang mengambil bahagian faham bahawa di dalam DRR, pentingnya bertindak proaktif, dan komuniti sendiri yang memulakannya. Selepas latih amal tersebut, pemimpin komuniti mula mengambil inisiatif untuk menyelesaikan sendiri isu dan halangan yang menghalang mereka untuk bersiap sedia menghadapi bencana banjir, seperti menyediakan senarai penduduk yang memerlukan bantuan semasa pemindahan.



3. Penerbitan dan Edaran Bahan Perkongsian Maklumat: (1) Lokasi Pusat Pemindahan & (2) Prosedur Sistem Amaran Awam

Penjelasan: Poster dan magnet peti sejuk yang menunjukkan nama dan lokasi pusat pemindahan di kampung dan juga prosedur sistem amaran awam telah dihasilkan. Sama seperti di Kapar, penduduk Hulu Langat juga tidak tahu atau hanya tahu sedikit sebanyak tentang lokasi pusat pemindahan di komuniti mereka. Mereka juga tidak tahu tentang tindakan yang perlu diambil apabila siren banjir kedengaran atau amaran berpindah dikeluarkan.

Prosedur amaran awam untuk komuniti tidak diadakan dengan rasminya oleh pihak kerajaan. Oleh itu, dengan kerjasama di antara penghulu, pemimpin komuniti, pejabat daerah serta Jabatan Pengairan dan Saliran, langkah-langkah amaran awam dapat dikenal pasti. Lokasi pusat pemindahan juga telah disemak dan disahkan dengan bantuan dari agensi yang berkenaan. Poster ini telah dipasang di tempat awam seperti dewan komuniti, sekolah dan masjid.

Penghasilan Poster, Magnet Peti Sejuk dan Papan Tanda

Poster dan Magnet Peti Sejuk serta Prosedur Sistem Amaran Awam



Contoh poster-poster lokasi pusat pemindahan berukuran A0 dan A1

Penerbitan: 14 poster yang direka bentuk untuk kampung-kampung di Mukim Hulu Langat yang menunjukkan lokasi pusat pemindahan di setiap kampung. Sejumlah 182 poster diterbitkan untuk Mukim Hulu Langat, dengan setiap kampung diberi 3 poster berukuran A0 dan 20 poster berukuran A1.

LAPORAN AKHIR PROGRAM PERKONGSIAN SeDAR JICA

Di samping itu, isi kandungan poster tersebut turut dicetak di atas magnet peti sejuk bersaiz A5, untuk diletak di tempat-tempat yang senang dilihat di dalam rumah penduduk, seperti di pintu peti sejuk.



Magnet peti sejuk bersaiz A5 untuk diletakkan di rumah mangsa-mangsa banjir

Hasil: 14 magnet direka bentuk untuk kampung-kampung di Mukim Hulu Langat. Sejumlah 1,400 keping dicetak untuk Mukim Hulu Langat. Setiap kampung mendapat magnet untuk 50 buah rumah.

Papan Tanda Pusat Pemindahan

Penjelasan: Papan tanda pusat pemindahan berukuran 2 kaki x 3 kaki telah direka bentuk, dicetak dan diedarkan untuk dipasang di pusat pemindahan.

Ramai ahli komuniti di Mukim Hulu Langat tidak tahu lokasi pusat pemindahan di kawasan mereka.

Papan tanda ini direka bentuk dengan kerjasama ketua kampung yang memberi pendapat mereka. Papan tanda tersebut disemak dan disahkan oleh agensi yang memiliki/mengurus premis-premis pusat pemindahan seperti Pejabat Daerah dan Tanah Hulu Langat, Majlis Perbandaran Kajang, jabatan Pendidikan Negeri Selangor, Jabatan Agama Islam Selangor. Papan tanda ini juga mendapat pengesahan dari Agensi Pengurusan Bencana Kebangsaan (NADMA).




Hasil: 28 papan tanda untuk semua pusat pemindahan di Mukim Hulu Langat

5 Laporan, Penerbitan dan Video

5.1 Laporan Risiko DRR

'Laporan Risiko Bencana: Memahami Risiko Tanah Runtuh dan Bencana bagi Pengurangan Risiko Bencana Berasaskan Sains di Negeri Selangor' menjelaskan peranan sains dalam analisis risiko dan menerangkan senario bencana di negeri Selangor dan seluruh negara. Laporan tersebut juga memberi keterangan terperinci tentang usaha mengenal pasti risiko berdasarkan sains di 4 kawasan projek, iaitu Ulu Klang (Daerah Gombak), Kg. Batu 14 (Daerah Hulu Langat), Kg. Sungai Serai (Daerah Hulu Langat), dan Kg. Tok Muda, Kapar (Daerah Klang).

